

Jabatan
Perangkaan Negara
Malaysia
Balangan 1996
Amanah Razak
231 Jalan Ampang
Kuala Lumpur
5057

Siri Monograf
Banci Penduduk
Population Census
Monograph Series

No. 2

MIGRASI DALAMAN DI MALAYSIA *INTERNAL MIGRATION IN MALAYSIA*

Tan Swee Heng

Pandangan yang terkandung di dalam laporan ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia.
The views contained in this report are those of the author and do not necessarily represent the official views of the Department of Statistics, Malaysia.

Ogos 1996
August



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
KUALA LUMPUR

KATA PENGANTAR

Keluaran bertajuk *Migrasi Dalaman di Malaysia* ini adalah terbitan kedua dalam siri monograf berdasarkan data yang dikutip dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 1991. Terbitan pertama siri ini bertajuk *Pembandaran dan Pertumbuhan Bandar di Malaysia* telah dikeluarkan pada bulan Mei 1996. Setiap keluaran siri monograf ini ditumpukan kepada topik tertentu yang menarik perhatian khusus.

Fokus laporan ini adalah terhadap magnitud dan pola migrasi dalaman di Malaysia yang memudahkan kefahaman tentang pertaliannya dengan perubahan saiz dan struktur penduduk pada tahap subnasional. Penemuan yang terkandung sering kali dibanding dengan data penyiasatan mengikut masa untuk memberikan penunjuk arah aliran migrasi, khasnya bagi pergerakan antara negeri. Fenomena tersebut mempunyai implikasi dari segi perspektif demografi, sosial, kebudayaan dan ekonomi kerana migran membentuk satu segmen penduduk yang unik di tempat destinasi.

Diharapkan analisis terperinci yang terkandung dalam laporan ini dapat dijadikan bahan rujukan kepada penyelidik dalam bidang berkaitan di samping memenuhi keperluan agensi-agensi kerajaan dalam merancangkan pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia.

SHAARI BIN ABDUL RAHMAN

Ketua Perangkawan,
Malaysia.

Ogos 1996

KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------------------|---------|
| KATA PENGANTAR | iii |
| SENARAI JADUAL DAN RAJAH | vi |
| NOTA KETERANGAN DAN DEFINISI | ix |
| BAB | |
| 1. PENDAHULUAN | 1 |
| 2. PENGUKURAN MIGRASI DALAMAN | 3 |
| 3. MAGNITUD DAN POLA MIGRASI DALAMAN | 7 |
| Migrasi antara negeri | 8 |
| Migrasi antara daerah dalam negeri | 16 |
| Migrasi bandar dan luar bandar | 22 |
| 4. PROFIL MIGRAN DALAMAN | 27 |
| Keterpilihan umur dan jantina | 27 |
| Keterpilihan etnik | 31 |
| Keterpilihan taraf perkahwinan | 32 |
| Keterpilihan pendidikan | 33 |
| Ciri-ciri tenaga buruh | 35 |
| Indeks ketakserupaan | 39 |
| 5. KESIMPULAN | 43 |
| BIBLIOGRAFI | 45 |

SENARAI JADUAL

Halaman

| | |
|---|----|
| Jadual 3.1: Taburan penduduk mengikut taraf migrasi, Malaysia, 1991 | 7 |
| Jadual 3.2: Migrasi antara negeri mengikut negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991 | 9 |
| Jadual 3.3: Migran bersih mengikut negeri destinasi dan tempoh migrasi, Malaysia, 1975-1993 | 10 |
| Jadual 3.4: Bilangan migran antara negeri mengikut negeri asal dan negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991 | 13 |
| Jadual 3.5: Indeks keutamaan migrasi mengikut negeri asal dan negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991 | 15 |
| Jadual 3.6: Migrasi antara daerah dalam negeri mengikut negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991 | 17 |
| Jadual 3.7: Migrasi antara daerah dalam negeri mengikut daerah pentadbiran, Malaysia, 1986-1991 | 19 |
| Jadual 3.8: Taburan peratus migrasi antara negeri dan migrasi antara daerah dalam negeri mengikut arah aliran migrasi dan tempoh migrasi, Malaysia, 1986-1993 | 23 |
| Jadual 3.9: Taburan peratus migrasi antara negeri dan migrasi antara daerah dalam negeri mengikut arah aliran migrasi dan kelas saiz penduduk kawasan bandar, Malaysia, 1986-1991 | 25 |
| Jadual 3.10: Nisbah jantina migran antara negeri dan migran antara daerah dalam negeri mengikut arah aliran migrasi dan kelas saiz penduduk kawasan bandar, Malaysia, 1986-1991 | 26 |

| | |
|--|----|
| Jadual 4.1: Taburan peratus bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 28 |
| Jadual 4.2: Migran antara negeri dan migran antara daerah sebagai proposi daripada jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 31 |
| Jadual 4.3: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah dan kadar migrasi mengikut taraf perkahwinan dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 32 |
| Jadual 4.4: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah dan kadar migrasi mengikut pencapaian pelajaran tertinggi dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 34 |
| Jadual 4.5: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah dan kadar migrasi mengikut sijil tertinggi yang diperoleh dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 35 |
| Jadual 4.6: Kadar penyertaan tenaga buruh bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 36 |
| Jadual 4.7: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan pekerjaan dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 38 |
| Jadual 4.8: Indeks ketakserupaan bagi migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut jantina dan tempoh migrasi, Malaysia, 1986-1993 | 40 |

SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|---|---------|
| Rajah 2.1: Tipologi banci bagi taraf migrasi, Malaysia, 1991 | 4 |
| Rajah 3.1: Migran bersih bagi negeri destinasi terpilih mengikut tempoh migrasi, Malaysia, 1975-1993 | 11 |
| Rajah 4.1: Taburan penduduk bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 29 |
| Rajah 4.2: Kadar migrasi bagi migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 1986-1991 | 30 |
| Rajah 4.3: Kadar penyertaan tenaga buruh bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991 | 37 |

NOTA KETERANGAN DAN DEFINISI

Simbol dan konvensyen

- * kurang daripada setengah unit terkecil yang mungkin
- 0 kosong
- : tidak berkenaan
- .. tidak diperoleh

Pembulatan angka

Angka-angka dalam jadual telah dibulatkan secara bebas dan oleh yang demikian hitungan berkaitan mungkin tidak memberikan jumlah yang dinyatakan.

Definisi kawasan bandar

Kawasan bandar ditakrifkan sebagai kawasan yang diwartakan beserta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai jumlah penduduk seramai 10,000 atau lebih semasa Banci Penduduk 1991.

Kawasan tepubina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 10 tahun dan lebih) yang terlibat di dalam aktiviti bukan pertanian dan sekurang-kurangnya 30 peratus unit perumahan mempunyai kemudahan tandas moden.

Umur penengah

Umur penengah ialah umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur ini, manakala separuh lagi melebihi daripada umur tersebut.

Nisbah jantina

Nisbah bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan, iaitu:-

$$\frac{\text{Bilangan lelaki}}{\text{Bilangan perempuan}} \times 100$$

Kumpulan etnik

Untuk tujuan penjadualan dan analisis serta mengambil kira kepelbagaiannya kumpulan etnik di antara Semenanjung Malaysia, Sabah (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan) dan Sarawak, kumpulan etnik utama berikut telah digunakan:-

Warganegara Malaysia

Bumiputera

Melayu

Bumiputera Lain

Cina

India

Lain-lain

Bukan Warganegara Malaysia

Taraf perkahwinan

Belum pernah berkahwin

Merujuk kepada mereka yang melaporkan sebagai belum pernah berkahwin.

Berkahwin

Merujuk kepada mereka yang masih berkahwin pada masa pembancian. Perkahwinan termasuk perkahwinan mengikut undang-undang atau peraturan keagamaan ataupun atas persetujuan bersama.

Balu/duda

Merujuk kepada mereka yang telah kematian suami/isteri dan belum berkahwin semula.

Bercerai/berpisah tetap

Merujuk kepada mereka yang perkahwinannya telah dimansuhkan secara undang-undang atau mengikut peraturan keagamaan atau tidak lagi tinggal bersama bagi satu jangka masa yang lama dan tiada kemungkinan bersatu semula.

Migran dalaman tempoh lima tahun

Merujuk kepada mereka yang melaporkan tempat tinggal biasa di Malaysia lima tahun yang lalu (iaitu pada 14 Ogos 1986) berbeza dari tempat tinggal biasa sekarang (iaitu pada masa Banci tahun 1991).

Migran antara negeri tempoh lima tahun

Merujuk kepada mereka di mana negeri tempat tinggal biasa semasa pada masa banci berbeza dari negeri tempat tinggal mereka lima tahun yang lalu. Mereka ini boleh ditakrifkan mengikut kategori berikut:-

Migran masuk

Merujuk kepada mereka yang telah berhijrah dari negeri lain dan tinggal di negeri yang dinyatakan.

Migran keluar

Merujuk kepada mereka yang telah berhijrah keluar dari negeri yang dinyatakan dan tinggal di negeri lain.

Migran bersih

Merujuk kepada perbezaan di antara bilangan migran masuk dan migran keluar. Jika bilangan migran masuk melebihi migran keluar, hasilnya ialah migran masuk bersih. Bagi kes sebaliknya, ia disebut sebagai migran keluar bersih.

Migran antara daerah dalam negeri tempoh lima tahun

Merujuk kepada mereka yang berhijrah dari sebuah daerah ke daerah lain dalam sesuatu negeri, iaitu tempat tinggal biasa semasa adalah daerah dalam negeri yang berbeza dari daerah tempat tinggal biasa lima tahun yang lalu.

Kadar migrasi

Kadar migrasi mengukur tahap pergerakan atau migrasi. Dalam hubungan ini, bagi memudahkan pengiraan, penduduk risiko berkenaan (population at risk) dianggarkan sebagai penduduk di tempat destinasi semasa banci. Kadar tersebut dikira dengan menggunakan formula berikut:-

$$\text{Kadar migrasi} = \frac{M_i}{P_i} \times 100$$

di mana M_i ialah bilangan migran dalam kategori tertentu
 P_i ialah jumlah penduduk dalam kategori yang sama

Pencapaian pelajaran

Merujuk kepada peringkat tertinggi di mana seseorang itu telah menamatkan persekolahan atau masih bersekolah atau menuntut di institusi pendidikan rasmi kerajaan ataupun swasta. Dalam hubungan ini, peringkat pencapaian pelajaran adalah dikelaskan seperti berikut:-

Rendah

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai peringkat pelajaran tertinggi di peringkat Darjah 1, Darjah 2, Darjah 3, Darjah 4, Darjah 5, Darjah 6 atau yang setara dengannya.

Menengah

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai peringkat pelajaran tertinggi di peringkat Tingkatan 1 (termasuk Kelas Peralihan), Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4, Tingkatan 5 atau yang setara dengannya. Kategori ini termasuk mereka yang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional atau pencapaian yang setara dengannya.

Tertiari

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai peringkat pelajaran akademik tertinggi selepas Tingkatan 5, yang merangkumi Tingkatan 6, 'A Level', matrikulasi, kursus-kursus persediaan atau yang setara dengannya. Mereka yang telah mencapai peringkat pelajaran tertinggi di sebarang peringkat di institusi pengajian tinggi seperti di politeknik, maktab, universiti atau institusi-institusi yang setara dengannya juga termasuk di dalam peringkat ini. Peringkat pelajaran yang bercorak kemahiran tidak diambil kira di dalam peringkat tertiar.

Tidak pernah bersekolah

Merujuk kepada mereka yang tidak pernah menghadiri mana-mana sekolah atau institusi pendidikan rasmi. Termasuk dalam kategori ini adalah mereka yang menghadiri kelas prasekolah.

Sijil tertinggi yang diperoleh

Merujuk kepada sijil-sijil yang dikeluarkan mengikut sistem pendidikan di Malaysia. Bagi mereka yang memperolehi sijil selain dari sijil yang dikeluarkan mengikut sistem pendidikan di negara ini, persamaan taraf

sijil yang setara dengannya digunakan. Berbagai jenis sijil yang diperoleh adalah dikategorikan seperti berikut:-

Sijil Rendah Pelajaran (SRP)

SRP diberikan kepada mereka yang telah lulus dalam peperiksaan yang diambil setelah menamatkan persekolahan selama sembilan tahun, iaitu enam tahun di peringkat rendah dan tiga tahun di peringkat menengah rendah. Kategori ini termasuk kelulusan Lower Certificate of Education (LCE), Junior Certificate (JC), atau yang setara dengannya.

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM)

SPM atau SPVM diberikan kepada mereka yang telah lulus dalam peperiksaan yang diambil setelah menamatkan pelajaran di peringkat menengah atas di bidang akademik atau vokasional. Kategori SPM/SPVM termasuk Malaysian Certificate of Education (MCE), Senior Cambridge (SC), 4 Thanawi, Malaysian Certificate of Vocational Education (MCVE) atau yang setara dengannya.

Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM)

STPM diberikan kepada mereka yang telah lulus dalam peperiksaan yang diambil setelah menamatkan persekolahan di peringkat lepasan menengah. Ia meliputi Higher School Certificate (HSC), Sijil Tinggi Agama atau kelulusan-kelulusan yang setara dengannya.

Diploma/Sijil

Merujuk kepada diploma atau sijil yang diperoleh di peringkat pendidikan tinggi atau yang setara dengannya.

Ijazah

Merujuk kepada sijil yang diperoleh di peringkat ijazah, termasuk ijazah sarjana, doktor falsafah atau yang setara dengannya.

Tenaga buruh

Merujuk kepada mereka yang berumur 15-64 tahun sama ada bekerja atau menganggur dalam masa 7 hari yang lalu sebelum tarikh temu ramah.

Bekerja

Merujuk kepada mereka yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam semasa minggu rujukan untuk upah (berbentuk wang atau barang-barang), keuntungan dan faedah keluarga. Termasuk di dalam kategori bekerja ini ialah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, kecacatan/hilang upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau agama tetapi mempunyai pekerjaan untuk dikerjakan kembali.

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)

KPTB ialah perkadarhan penduduk di dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk di dalam umur bekerja. Kadar ini mengukur penyertaan di dalam tenaga buruh mengikut ciri-ciri tertentu penduduk. Kiraannya adalah seperti berikut:-

$$\frac{\text{Bilangan orang dalam tenaga buruh di dalam kategori tertentu}}{\text{Jumlah penduduk dalam umur bekerja di dalam kategori yang sama}} \times 100$$

Pekerjaan

Klasifikasi pekerjaan yang digunakan adalah mengikut 'Dictionary of Occupational Classification, 1980', terbitan Kementerian Sumber Manusia. Bagi orang yang mempunyai lebih dari satu pekerjaan, pekerjaan di mana ia menggunakan masa yang lebih, adalah dikira sebagai pekerjaan utamanya.

BAB 1

PENDAHULUAN

- 1.1 Penerbitan ini merupakan laporan khusus tentang migrasi dalaman berdasarkan maklumat daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 1991. Laporan ini juga merupakan yang kedua dalam siri monograf banci berkaitan topik-topik kajian khusus.
- 1.2 Matlamat laporan ini ialah untuk membekalkan pengguna dengan kajian yang lebih terperinci berkaitan data migrasi yang dipungut semasa Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 1991. Keluaran pertama yang mengandungi data migrasi telah diterbitkan dalam Laporan Am Banci Penduduk tahun 1991, Jilid 1. Data yang digunakan dalam monograf ini telah diambil daripada maklumat banci yang diproses seratus peratus.
- 1.3 Fokus keseluruhan laporan ini adalah terhadap migrasi penduduk bagi tempoh 1986-1991 dan sebahagian besarnya ditumpukan kepada pengagihan semula penduduk antara daerah dan negeri di Malaysia. Bagaimanapun analisis ini tidak termasuk migrasi luar negara atau migrasi antarabangsa.
- 1.4 Rujukan daripada sumber-sumber lain, khasnya mengenai aliran migrasi terbaru yang diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh Migrasi (PTBM) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia secara tahunan juga dibuat. Meskipun pola pergerakan penduduk mengalami perubahan sepanjang dekad antara banci, beberapa persamaan diambil daripada aliran migrasi tempoh 1975-1980 berasaskan Banci Penduduk tahun 1980.
- 1.5 Pengukuran migrasi dalaman, khasnya untuk tempoh 1986-1991, berasaskan soalan-soalan yang dikemukakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991, akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 2 laporan ini. Dalam

bab-bab berikutnya, gambaran tentang arah aliran dan pola migrasi serta profil migrasi dalaman berasaskan perbandingan antara ciri-ciri migran dan bukan migran di tempat destinasi juga diberikan.


BAB 2

PENGUKURAN MIGRASI DALAMAN

- 2.1 Untuk mengukur migrasi, dua soalan telah ditanya dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991, iaitu "Di manakah tempat tinggal biasa anda sekarang?" (iaitu pada Hari Banci 14 Ogos 1991), dan kedua "Di manakah tempat tinggal biasa anda lima tahun yang lalu?" (iaitu pada 14 Ogos 1986). Migrasi diukur melalui perubahan tempat tinggal biasa antara dua tarikh tersebut. Pengkodan ke atas perubahan tempat tinggal pada unit ruang atau geografi menjadi asas kepada klasifikasi pergerakan, iaitu migrasi antarabangsa atau migrasi luar negara dan migrasi dalaman. Migrasi antarabangsa merujuk kepada perpindahan keluar dari sempadan negara ini manakala migrasi dalaman berlaku dalam lingkungan sempadan negara. Kedua-dua ukuran migrasi ini tidak mengambil kira perpindahan perantaraan seseorang dalam tempoh berkenaan. Ini bermakna hanya satu pergerakan bagi tempoh banci lima tahun diambil kira. Sebagai contoh, seseorang yang bergerak dari Titik A ke B dan kemudian ke C, direkodkan sebagai bergerak dari A ke C. Ini bermakna perpindahan perantaraan dari B ke C tidak diambil kira. Bagi seseorang yang bergerak dari A ke B dan kemudian balik semula ke A, pergerakan ini tidak direkodkan. Bilangan pergerakan adalah bersamaan dengan bilangan migran.
- 2.2 Di Malaysia, migrasi dalaman merujuk khususnya kepada perubahan daerah atau negeri tempat tinggal antara dua tarikh rujukan. Bagi tujuan analisis, penduduk migran dikelaskan kepada dua kategori: migran antara daerah dalam negeri dan migran antara negeri. Migran antara daerah dalam negeri adalah mereka yang bergerak dari satu daerah pentadbiran ke satu daerah pentadbiran lain dalam negeri yang sama dan dianggap sebagai migran berjarak dekat. Migrasi antara negeri adalah terdiri daripada mereka yang telah berpindah negeri tempat tinggal dalam tempoh rujukan tersebut.

2.3 Secara keseluruhan, konsep-konsep ini diringkaskan dalam Rajah 2.1 mengikut tipologi taraf migrasi seperti yang dinyatakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991. Perlu diambil perhatian bahawa sebahagian daripada migran yang mana daerah dan negeri tempat tinggal lima tahun dahulu tidak diketahui/tidak dinyatakan telah dikecualikan daripada analisis ini.

Rajah 2.1: Tipologi banci bagi taraf migrasi, Malaysia, 1991



2.4 Walau bagaimanapun, terdapat fleksibiliti dalam definisi kategori migran bagi tujuan analisis. Dalam laporan ini, walaupun perubahan dalam sempadan negeri bermakna perubahan dalam sempadan daerah juga, migrasi antara negeri dibezakan daripada migrasi antara daerah dalam negeri dan akan dikaji sebagai dua jenis pergerakan yang berasingan¹. Oleh yang

1. Dalam terbitan **Atlas Banci** yang baru dikeluarkan, migran antara negeri telah dikelaskan sebagai sebahagian dari migran antara daerah.

demikian istilah "migrasi antara daerah" digunakan secara saling bertukar di dalam perbincangan bab-bab berikutnya yang membawa maksud migrasi antara daerah dalam negeri.

- 2.5 Perlu diambil perhatian bahawa rujukan kepada data migrasi tahunan daripada Penyiasatan Tenaga Buruh Migrasi adalah berasaskan perubahan tempat tinggal biasa dalam tempoh tetap, iaitu satu tahun bagi semua orang yang berumur setahun dan lebih. Corak pemilihan migrasi serta tempoh rujukan satu tahun yang secara relatifnya pendek, tidak dapat menghasilkan bilangan migran yang cukup bagi sesuatu aliran dan ia juga tertakluk kepada ralat pensampelan yang tinggi.
- 2.6 Di samping memperoleh ukuran jumlah pergerakan, pengkodan data migrasi di peringkat lokaliti (iaitu, nama bandar) juga membolehkan satu penganalisisan pergerakan migrasi mengikut arah aliran migrasi seperti bandar ke bandar, luar bandar ke bandar, bandar ke luar bandar dan luar bandar ke luar bandar. Dengan menggunakan tabulasi silang terhadap angkubah demografi yang dipungut dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991, satu profil migran dapat diperoleh khasnya dari sudut perbezaan migran/bukan migran mengikut umur, jantina, taraf perkahwinan, etnik, pendidikan dan pekerjaan. Bagaimanapun, maklumat yang dipungut dalam banci tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu yang berkait dengan sebab-sebab atau akibat migrasi.

BAB 3
MAGNITUD DAN POLA MIGRASI DALAMAN

3.1 Gambaran keseluruhan migrasi dalaman di Malaysia menunjukkan bahawa mobiliti penduduk berada pada tahap yang rendah dan stabil di kalangan tiga belas negeri dan dua wilayah persekutuan yang membentuk Malaysia. Walau bagaimanapun, perlu diambil ingatan bahawa dimensi pergerakan penduduk di dalam sesebuah negara dilihat dari segi tahap pembahagian negara itu (atau kawasan geografi yang berkenaan) kepada unit spatial. Dari sudut ini dan berasaskan definisi migrasi dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991, jumlah penduduk Malaysia boleh dikelaskan mengikut taraf migrasi seperti di Jadual 3.1. Bagi tujuan analisis, mereka yang bertukar alamat (rumah) di dalam daerah yang sama adalah dianggap sebagai sebahagian daripada penduduk bukan migran.

Jadual 3.1: Taburan penduduk mengikut taraf migrasi, Malaysia, 1991

| Unit spatial | Taraf migrasi | Bilangan | Peratus |
|--------------|-----------------------------------|------------|---------|
| Negara | Migran antarabangsa/luar negara | 299,500 | 2 |
| Negeri | Migran antara negeri | 1,145,568 | 7 |
| Daerah | Migran antara daerah dalam negeri | 928,044 | 5 |
| Rumah | Bukan migran | 14,741,714 | 84 |
| | Taraf tidak diketahui | 383,265 | 2 |
| | Jumlah | 17,498,091 | 100 |

3.2 Daripada negeri yang membentuk Malaysia, banci terbaru merekodkan tujuh peratus daripada jumlah penduduk mempunyai negeri tempat tinggal yang berbeza (migran antara negeri) di antara dua titik rujukan yang ditetapkan, iaitu 14 Ogos 1986 dan Hari Banci (14 Ogos 1991). Lima peratus lagi dikenal pasti sebagai mempunyai daerah tempat tinggal yang berbeza dalam lingkungan sempadan negeri (migran antara daerah dalam negeri), iaitu di kalangan negeri-negeri yang dibahagikan mengikut kawasan geografi kepada daerah pentadbiran. Dengan ini, negeri Perlis dan kedua-dua wilayah persekutuan, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan yang setiap satunya mewakili daerah pentadbiran tersendiri, tidak mempunyai kaitan dalam perbincangan tentang migrasi antara daerah.

- 3.3 Perlu ditekankan bahawa tahap migrasi yang dilaporkan hanya mewakili sebahagian kecil daripada mobiliti keseluruhan di Malaysia. Seperti yang telah dinyatakan, pergerakan antara lokaliti (bandar/kampung) di dalam daerah yang sama tidak dianggap sebagai migrasi dalam laporan ini dan dengan itu merupakan sebahagian daripada penduduk bukan migran. Tambahan pula, bagi migrasi luar negara, mereka yang memasuki negara ini secara haram berkemungkinan telah cuba mengelakkan diri daripada penghitungan semasa banci.
- 3.4 Pergerakan antara negeri diberi penekanan yang lebih kerana ia berkait rapat dengan perubahan yang nyata dalam ekonomi dan sosial. Ia dianggap sebagai pergerakan jarak jauh yang selalunya melibatkan perubahan dalam suasana kerja dan proses penyesuaian berbanding dengan pergerakan jarak dekat seperti migrasi antara daerah dalam negeri.

Migrasi antara negeri

- 3.5 Pergerakan dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain menjadi faktor asas dalam taburan semula penduduk dan mempunyai kesan berbeza ke atas penduduk di negeri penerima (atau destinasi) dan negeri penghantar (atau asal). Magnitud dan pola migrasi antara negeri boleh dinyatakan dalam pelbagai cara seperti migrasi masuk, migrasi keluar dan migrasi bersih. Kadar migrasi digunakan untuk mengaitkan bilangan migran dengan penduduk di negeri destinasi, iaitu dianggarkan sebagai penduduk berisiko bagi memudahkan pengiraan.
- 3.6 Kebanyakan migrasi antara negeri bagi tempoh 1986-1991 telah disumbang oleh negeri Selangor yang mencatatkan perkadaran tertinggi bagi penduduk migran masuk bersih, iaitu 6.8 peratus (Jadual 3.2). Wilayah Persekutuan Labuan menduduki tempat kedua selepas Selangor dengan 6.2 peratus penduduknya terdiri daripada migran masuk bersih. Tiga lagi negeri yang mengalami aliran migran masuk bersih ialah Perlis, Johor dan Pulau Pinang, walaupun peratusannya lebih kecil, iaitu masing-masing 1.4 peratus, 0.9 peratus dan 0.2 peratus. Dari segi bilangan, Selangor adalah negeri penerima utama migran masuk yang berjumlah 155.3 ribu.

Johor hanya merekodkan bilangan migran masuk bersih sebanyak 19.3 ribu, manakala negeri-negeri lain merupakan penerima migran bersih yang setiap satunya menerima kurang daripada lima ribu migran.

Jadual 3.2: Migrasi antara negeri mengikut negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991

| Negeri destinasi | Bilangan (ribu) | | | Peratus daripada penduduk negeri | | |
|---------------------|-----------------|---------------|---------------|----------------------------------|---------------|---------------|
| | Migran masuk | Migran keluar | Migran bersih | Migran masuk | Migran keluar | Migran bersih |
| Johor | 115.1 | 95.8 | 19.3 | 5.6 | 4.6 | 0.9 |
| Kedah | 83.1 | 88.4 | -5.3 | 6.4 | 6.8 | -0.4 |
| Kelantan | 42.9 | 71.6 | -28.7 | 3.6 | 6.1 | -2.4 |
| Melaka | 39.0 | 52.9 | -13.9 | 7.7 | 10.5 | -2.8 |
| Negeri Sembilan | 62.1 | 64.4 | -2.3 | 9.0 | 9.3 | -0.3 |
| Pahang | 75.8 | 85.8 | -10.0 | 7.3 | 8.3 | -1.0 |
| Perak | 90.7 | 160.9 | -70.2 | 4.8 | 8.6 | -3.8 |
| Perlis | 20.1 | 17.6 | 2.5 | 10.9 | 9.6 | 1.4 |
| Pulau Pinang | 68.1 | 66.3 | 1.8 | 6.4 | 6.3 | 0.2 |
| Sabah | 31.2 | 32.3 | -1.1 | 1.8 | 1.9 | -0.1 |
| Sarawak | 31.6 | 35.1 | -3.5 | 1.9 | 2.1 | -0.2 |
| Selangor | 289.7 | 134.4 | 155.3 | 12.6 | 5.9 | 6.8 |
| Terengganu | 36.8 | 42.3 | -5.5 | 4.8 | 5.5 | -0.7 |
| Wilayah Persekutuan | | | | | | |
| • Kuala Lumpur | 149.4 | 191.0 | -41.6 | 13.2 | 16.9 | -3.7 |
| • Labuan | 10.2 | 6.9 | 3.3 | 19.1 | 12.8 | 6.2 |
| Malaysia | 1,145.6 | 1,145.6 | 0 | 6.6 | 6.6 | 0 |

- 3.7 Pola migrasi keluar bersih tidak banyak berbeza; julat peratusannya ialah daripada 3.8 peratus (Perak) ke 0.1 peratus bagi Sabah. Dalam angka mutlak, Perak mengalami kehilangan bersih penduduk berjumlah 70.2 ribu diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 42 ribu migran keluar bersih, Kelantan (28.7 ribu) dan Melaka (13.9 ribu); negeri lain yang mempunyai nilai negatif di Jadual 3.2 setiap satunya mempunyai bilangan migran keluar bersih 10 ribu atau kurang.
- 3.8 Secara perbandingan, senario migrasi dalaman bagi tempoh 1975-1980 yang berdasarkan Banci Penduduk tahun 1980 adalah tidak berapa sehalia. Walaupun tahap migrasi antara negeri hampir sama seperti tempoh 1986-1991, iaitu 6.2 peratus, tempoh 1975-1980 mempunyai ciri yang mana beberapa negeri menjadi negeri penerima bersih utama berbanding dengan hanya sebuah negeri sebagai penerima bersih bagi tempoh 1986-1991.

3.9 Jadual 3.3 memberi gambaran keseluruhan aliran bersih migrasi antara negeri tahunan berdasarkan data Penyiasatan Tenaga Buruh Migrasi (PTBM) dan hubungannya dengan migrasi banci tempoh lima tahun bagi tempoh 1975-1980 dan 1986-1991. Maklumat ini memberi kefahaman tentang perubahan terbalik dalam pola aliran migrasi bersih bagi beberapa negeri. Paling ketara di antaranya ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang dan Johor. Rajah 3.1 menunjukkan pola bagi arah aliran bersih bagi ketiga-tiga negeri tersebut mengikut masa.

Jadual 3.3: Migran bersih mengikut negeri destinasi dan tempoh migrasi, Malaysia, 1975-1993


| Negeri destinasi | Banci (1980) ^(b) | Data penyiasatan ^(a) | | | | | | | | | | Banci (1991) | Data penyiasatan |
|---------------------|-----------------------------|---------------------------------|---------------------|--------------------|-------|-------|-----------|-------|-------|-------|-------|--------------|------------------|
| | | 1975-1980 | | | | | 1986-1991 | | | | | | |
| | | 1980 | 1981 | 1982 | 1983 | 1986 | 1987 | 1988 | 1989 | 1990 | 1991 | 1992 | 1993 |
| (ribu) | | | | | | | | | | | | | |
| Johor | -7.4 | -9.5 | -3.2 | 0.1 | 7.2 | 7.6 | 3.3 | 9.6 | 24.4 | 19.3 | 12.6 | 22.5 | |
| Kedah | -41.0 | -10.9 | -8.2 | -6.8 | 2.7 | -3.8 | 4.7 | 7.7 | 5.1 | -5.3 | 9.4 | 5.7 | |
| Kelantan | -19.2 | 0.8 | -3.3 | -6.7 | 1.4 | 0.3 | -3.0 | -5.4 | -4.7 | -28.7 | -4.7 | 2.8 | |
| Melaka | -19.4 | -2.3 | -1.1 | -9.7 | 1.3 | -0.5 | -3.1 | -1.8 | 0.1 | -13.9 | 8.3 | 6.3 | |
| Negeri Sembilan | -12.8 | * | 0.4 | -4.0 | -1.3 | 3.3 | 3.5 | -1.0 | -7.4 | -2.3 | 2.5 | -2.4 | |
| Pahang | 63.6 | 6.0 | 2.7 | 9.1 | -0.6 | -4.2 | 3.4 | -3.8 | -0.3 | -10.0 | -13.9 | -7.2 | |
| Perak | -71.1 | -6.3 | -10.7 | -20.8 | -3.6 | 5.3 | -8.3 | -22.8 | -20.9 | -70.2 | 3.0 | -11.2 | |
| Perlis | -0.3 | -0.8 | 1.4 | -0.1 | -0.5 | 0.6 | 0.5 | -0.9 | -4.5 | 2.5 | -2.1 | 3.5 | |
| Pulau Pinang | 0.5 | 6.9 | -1.7 | 5.2 | -2.7 | 3.9 | -4.4 | 6.2 | 6.1 | 1.8 | 2.1 | 5.4 | |
| Sabah | 2.0 ^(c) | -1.2 ^(a) | -1.1 ^(c) | 2.3 ^(c) | -2.4 | -1.4 | -3.0 | -1.1 | 1.4 | -1.1 | -5.7 | -5.5 | |
| Sarawak | -1.4 | 0.6 | -1.9 | 2.8 | 4.0 | 1.2 | 2.5 | -1.0 | 3.7 | -3.5 | -0.4 | 1.9 | |
| Selangor | 91.6 | 10.9 | 22.0 | 50.3 | 21.1 | 23.9 | 21.2 | 33.5 | 25.7 | 155.3 | 18.2 | 13.3 | |
| Terengganu | -0.1 | 3.6 | 2.4 | 10.7 | 3.3 | 3.8 | 6.0 | 0.6 | 0.4 | -5.5 | 0.3 | -12.6 | |
| Wilayah Persekutuan | | | | | | | | | | | | | |
| Kuala Lumpur | 44.2 | 2.1 | 2.3 | -32.3 | -27.4 | -41.1 | -23.2 | -19.1 | -32.5 | -41.6 | -28.8 | -23.3 | |
| Labuan | : | : | : | : | -2.5 | 1.1 | -0.2 | -0.6 | 3.4 | 3.3 | -1.0 | 1.0 | |

(a) Tiada penyiasatan dilakukan dalam tahun 1985 dan 1991 manakala data untuk 1984 tidak sesuai dibandingkan.

(b) Oleh sebab perbezaan pendekatan dalam definisi migrasi bagi Banci Penduduk 1980 data migrasi tempoh 1975-1980 telah dianggarkan. Jumlah migran bersih tidak menghasilkan jumlah kosong kerana data bagi migran keluar dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak tidak diperolehi mengikut negeri asal.

(c) Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Rajah 3.1: Migran bersih bagi negeri destinasi terpilih mengikut tempoh migrasi, Malaysia, 1975-1993



- 3.10 Pola menarik dapat diperhatikan dalam data migrasi tahunan daripada PTBM. Walaupun tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan migrasi tempoh lima tahun daripada banci, namun iaanya telah menunjukkan satu peralihan dalam pola migrasi antara negeri. Data penyiasatan se awal tahun 1983 telah menunjukkan arah aliran yang terbalik bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mana ia merekodkan bilangan migran keluar bersih yang besar. Pola ini masih kekal dalam tahun-tahun penyiasatan selanjutnya iaitu 1986 hingga 1990. Data migrasi antara negeri bagi tempoh lima tahun 1986-1991 berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991 mengesahkan arah aliran yang negatif bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam konteks ini, Banci tahun 1991 juga turut menyokong bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengalami kadar pertumbuhan purata yang rendah semasa tempoh 1980-1991. Keadaan ini mengakibatkan penurunan dari segi perkongsian jumlah penduduknya di peringkat nasional dalam tahun 1991.
- 3.11 Pada skala rendah, data penyiasatan tahunan bagi tempoh selepas 1980an juga menunjukkan negeri Pahang mengalami perubahan taraf daripada negeri penerima bersih kepada negeri penghantar bersih dan ini dapat disahkan melalui data banci untuk tempoh 1986-1991. Penerusan arah aliran yang sama bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pahang dapat diperhatikan daripada data migrasi yang terbaru, iaitu Penyiasatan Tenaga Buruh Migrasi tahun 1992 dan 1993.
- 3.12 Satu lagi pola utama yang dapat dilihat dari Jadual 3.3 dan Rajah 3.1 ialah kemunculan negeri Johor sebagai negeri penerima migran utama. Data penyiasatan memberikan penunjuk awal bagi perubahan arah aliran migrasi antara negeri bagi negeri Johor dalam PTBM 1983 dan lebih nyata pada penghujung tahun 1980an. Migrasi tempoh lima tahun untuk tempoh 1986-1991 berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991 seterusnya menjelaskan perubahan aliran untuk negeri Johor sebagai negeri tumpuan migran masuk. Pola demikian adalah berterusan dan bukti terbaru adalah daripada Penyiasatan Tenaga Buruh Migrasi tahun 1992 dan 1993 yang menunjukkan bilangan migrasi masuk bersih bagi negeri Johor yang besar (12.6 ribu orang semasa tempoh 1991-1992 dan 22.5 ribu orang semasa tempoh 1992-1993).

Jadual 3.4: Bilangan migran antara negeri mengikut negeri asal dan negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991

| Negeri asal | Negeri destinasi | | | | | | | | | | | | | | | |
|---------------------|------------------|-------|----------|--------|-----------------|--------|-------|--------|--------------|-------|---------|----------|------------|-------------------|-------------|----------|
| | Johor | Kedah | Kelantan | Melaka | Negeri Sembilan | Pahang | Perak | Perlis | Pulau Pinang | Sabah | Sarawak | Selangor | Terengganu | W.P. Kuala Lumpur | W.P. Labuan | Malaysia |
| | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Bilangan (ribu) | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Johor | 2 | 4.4 | 4.3 | 8.5 | 9.8 | 10.2 | 7.9 | 1.0 | 3.1 | 4.5 | 3.4 | 22.6 | 3.2 | 12.6 | 0.4 | 95.8 |
| Kedah | 7.3 | 1 | 2.6 | 1.5 | 3.0 | 5.0 | 12.1 | 6.9 | 22.3 | 1.7 | 2.5 | 14.2 | 1.5 | 7.7 | 0.3 | 88.4 |
| Kelantan | 8.4 | 3.5 | 1 | 1.7 | 2.8 | 10.8 | 4.9 | 0.9 | 2.7 | 1.1 | 1.7 | 14.8 | 10.3 | 7.8 | 0.1 | 71.6 |
| Melaka | 10.8 | 2.0 | 1.2 | 1 | 8.6 | 2.5 | 3.1 | 1.0 | 1.2 | 1.1 | 1.7 | 12.0 | 0.9 | 6.7 | 0.2 | 52.9 |
| Negeri Sembilan | 10.2 | 2.5 | 1.6 | 6.0 | 1 | 4.4 | 4.2 | 0.7 | 1.3 | 1.7 | 1.2 | 19.8 | 1.6 | 8.9 | 0.2 | 64.4 |
| Pahang | 12.7 | 4.7 | 7.4 | 2.8 | 6.2 | 1 | 8.2 | 0.9 | 2.4 | 1.7 | 2.6 | 19.4 | 7.1 | 9.3 | 0.3 | 85.8 |
| Perak | 17.8 | 15.4 | 4.3 | 3.1 | 5.4 | 11.0 | 1 | 2.6 | 19.7 | 3.4 | 2.8 | 48.8 | 2.5 | 22.9 | 1.1 | 160.9 |
| Perlis | 0.9 | 6.0 | 0.4 | 0.3 | 0.5 | 0.9 | 1.7 | 1 | 2.2 | 1.2 | 0.2 | 1.8 | 0.3 | 1.1 | * | 17.6 |
| Pulau Pinang | 4.9 | 22.8 | 1.9 | 1.0 | 1.5 | 2.0 | 10.2 | 1.5 | 1 | 1.1 | 1.1 | 10.5 | 1.0 | 6.4 | 0.3 | 66.3 |
| Sabah | 3.2 | 2.2 | 0.9 | 1.2 | 1.6 | 1.3 | 2.6 | 0.6 | 1.0 | 1 | 5.7 | 3.8 | 0.5 | 2.3 | 5.4 | 32.3 |
| Sarawak | 5.4 | 3.2 | 1.6 | 1.3 | 2.4 | 2.6 | 3.4 | 0.5 | 0.9 | 3.7 | 1 | 4.6 | 1.0 | 3.7 | 0.7 | 35.1 |
| Selangor | 13.4 | 6.5 | 3.8 | 5.1 | 10.3 | 9.2 | 15.5 | 1.5 | 4.7 | 2.3 | 2.4 | 1 | 3.4 | 56.0 | 0.3 | 134.4 |
| Terengganu | 5.0 | 2.0 | 8.1 | 0.9 | 1.4 | 7.8 | 2.5 | 0.4 | 1.1 | 0.6 | 1.5 | 7.5 | 1 | 3.5 | 0.1 | 42.3 |
| Wilayah Persekutuan | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Kuala Lumpur | 14.7 | 7.5 | 4.8 | 5.4 | 8.6 | 7.9 | 13.9 | 1.6 | 5.4 | 3.3 | 4.5 | 109.3 | 3.4 | 1 | 0.7 | 191.0 |
| - Labuan | 0.3 | 0.3 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.2 | 0.6 | 0.1 | 0.1 | 3.7 | 0.5 | 0.5 | 0.1 | 0.3 | 1 | 6.9 |
| Malaysia | 115.1 | 83.1 | 42.9 | 39.0 | 62.1 | 75.8 | 90.7 | 20.1 | 68.1 | 31.2 | 31.6 | 289.7 | 36.8 | 149.4 | 10.2 | 1,145.6 |

- 3.13 Walaupun kesan taburan semula penduduk antara negeri-negeri di Malaysia dapat diterbitkan daripada migrasi masuk/migrasi keluar bersih disebabkan oleh migrasi antara negeri, adalah lebih menarik untuk mengesan arah aliran migrasi melalui negeri destinasi dan negeri asal migran. Penambahan atau pengurangan bersih yang sederhana sering kali menyembunyikan aliran besar bagi pergerakan masuk dan keluar antara sempadan negeri. Jadual 3.4 menunjukkan angka migran sebenar bagi setiap arah aliran migrasi antara negeri untuk tempoh 1986-1991. Aliran migrasi yang terbesar dicatatkan adalah pergerakan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke negeri Selangor dengan sebanyak 109.3 ribu orang. Aliran migrasi yang kedua terbesar ialah pergerakan sebaliknya dari Selangor ke kawasan ibu kota Kuala Lumpur (56.0 ribu orang), diikuti oleh aliran dari negeri Perak ke negeri jirannya, Selangor (48.8 ribu). Sementara itu aliran lain adalah di antara 23 ribu migran ke aliran migrasi yang kebanyakannya kurang daripada lima ribu orang.
- 3.14 Selain daripada menunjukkan magnitud bagi setiap aliran dan aliran balas migran dari satu negeri ke negeri yang lain, satu percubaan telah dibuat untuk membentukkan **Indeks Keutamaan**¹ migrasi. Indeks ini mengukur sama ada sesuatu aliran migrasi itu adalah lebih besar atau kecil daripada angka jangkaan yang berdasarkan kepada pertalian langsung dengan saiz penduduk negeri destinasi dan negeri asal. Dengan itu, semasa membuat interpretasi tentang indeks ini, yang boleh bernilai dari sifar hingga ke infiniti, pemilihan sesuatu destinasi boleh diterangkan dari segi faktor jarak, paras kemajuan ekonomi antara negeri atau daya tarikan sesuatu destinasi.

1. Indeks Keutamaan (IK) dikira mengikut formula berikut:

$$IK = \frac{M_{OD} (I P_i - P_0)}{m P_0 P_D} \times 100$$

di mana M_{OD} = bilangan migran dari O ke D
 P_0 = penduduk tempat asal, O
 P_D = penduduk tempat destinasi, D
 $I P_i$ = penduduk nasional
 m = perkadaruan migran antara negeri dalam penduduk nasional

Jadual 3.5: Indeks keutamaan migrasi mengikut negeri asal dan negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991

| Negeri asal | Negeri destinasi | | | | | | | | | | | | | | | |
|-------------|---------------------|-------|----------|--------|-----------------|--------|-------|--------|--------------|-------|---------|----------|------------|----------------------|----------------|-------|
| | Johor | Kedah | Kelantan | Melaka | Negeri Sembilan | Pahang | Perak | Perlis | Pulau Pinang | Sabah | Sarawak | Selangor | Terengganu | W.P. Kuala Lumpur | W.P. Labuan | |
| | | 39 | 41 | 193 | 162 | 112 | 48 | 64 | 33 | 30 | 23 | 112 | 48 | 128 | 82 | |
| | Kedah | 67 | : | 41 | 56 | 81 | 91 | 123 | 712 | 402 | 18 | 30 | 118 | 37 | 130 | 97 |
| | Kelantan | 86 | 58 | : | 73 | 84 | 220 | 56 | 102 | 54 | 14 | 21 | 137 | 284 | 146 | 54 |
| | Melaka | 269 | 77 | 54 | : | 640 | 123 | 85 | 288 | 57 | 34 | 53 | 269 | 59 | 307 | 156 |
| | Negeri Sembilan | 184 | 72 | 52 | 444 | : | 156 | 84 | 136 | 46 | 36 | 27 | 320 | 79 | 293 | 140 |
| | Pahang | 149 | 87 | 152 | 137 | 218 | : | 106 | 115 | 55 | 23 | 39 | 205 | 225 | 199 | 152 |
| | Perak | 110 | 151 | 47 | 79 | 100 | 136 | : | 178 | 238 | 25 | 22 | 272 | 43 | 258 | 264 |
| ± | Perlis | 63 | 664 | 46 | 80 | 104 | 123 | 131 | : | 301 | 99 | 20 | 115 | 53 | 143 | 107 |
| | Pulau Pinang | 56 | 417 | 38 | 48 | 50 | 47 | 130 | 198 | : | 15 | 16 | 109 | 31 | 135 | 149 |
| | Sabah | 21 | 24 | 11 | 34 | 31 | 17 | 20 | 49 | 13 | : | 48 | 23 | 9 | 29 | 1,393 |
| | Sarawak | 39 | 37 | 20 | 39 | 51 | 38 | 27 | 39 | 13 | 32 | : | 30 | 20 | 48 | 199 |
| | Selangor | 66 | 50 | 33 | 102 | 150 | 89 | 84 | 80 | 45 | 13 | 15 | : | 45 | 501 | 65 |
| | Terengganu | 82 | 52 | 229 | 57 | 66 | 250 | 45 | 77 | 36 | 12 | 30 | 109 | : | 103 | 50 |
| | Wilayah Persekutuan | | | | | | | | | | | | | | | |
| | - Kuala Lumpur | 157 | 128 | 89 | 235 | 275 | 169 | 164 | 192 | 113 | 43 | 60 | 1,053 | 99 | : | 304 |
| | - Labuan | 67 | 110 | 26 | 96 | 90 | 107 | 151 | 146 | 63 | 1,069 | 151 | 100 | 36 | 142 | : |

- 3.15 Jadual 3.5 menunjukkan Indeks Keutamaan bagi semua negeri di Malaysia semasa tempoh rujukan 1986-1991 dengan andaian bahawa migran antara negeri tertabur secara berkadaran kepada penduduk di negeri asal dan penduduk di negeri destinasi. Selangor merupakan negeri destinasi paling digemari yang menunjukkan nilai indeks migrasi masuk yang tinggi dari semua negeri kecuali negeri Sabah dan Sarawak. Nilai indeks yang rendah bagi Sabah (23) dan Sarawak (30) menunjukkan kesan faktor jarak dalam aliran dan pola migrasi. Pergerakan migran antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah atau Sarawak terbatas oleh Laut China Selatan. Ini jelas dilihat bagi semua negeri destinasi kerana terdapat keutamaan yang tinggi bagi negeri-negeri yang berjiran dengannya. Bagi negeri Selangor, indeks keutamaan tertinggi sebanyak 1,053 adalah dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berjiran. Tambahan pula, Selangor yang mempunyai indeks migrasi keluar yang rendah ke semua negeri lain, telah mencatatkan keutamaan yang tinggi (501) bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini mengukuhkan lagi kenyataan ke atas faktor jarak serta hubungan kemajuan ekonomi yang rapat antara negeri-negeri tersebut.
- 3.16 Banyak contoh boleh diambil daripada Jadual 3.5, seperti pergerakan di antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang menunjukkan indeks yang tinggi, iaitu sebanyak 1,393 bagi pergerakan dari Sabah ke Wilayah Persekutuan Labuan dan sebanyak 1,069 dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Sabah. Ini memang dijangkakan kerana pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan. Sebaliknya, aliran migrasi yang kurang keutamaan, menunjukkan nilai indeks di bawah 100. Sekali lagi, jarak di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak menyumbang kepada pertukaran migran yang rendah. Faktor-faktor seperti jarak di antara dua kawasan, peluang-peluang ekonomi, sosial dan pendidikan dapat membantu menjelaskan perbezaan dalam nilai indeks yang diperhatikan.

Migrasi antara daerah dalam negeri

- 3.17 Terdapat sebanyak 133 Daerah Pentadbiran (DP) dalam lingkungan sempadan negeri di Malaysia. Setiap negeri dibahagikan kepada dua daerah pentadbiran atau lebih kecuali negeri Perlis dan dua wilayah persekutuan, iaitu Kuala Lumpur dan Labuan. Bagi negeri Kelantan, kawasan yang setara ialah jajahan. Dengan demikian, perlu diambil perhatian bahawa bagi angka-angka yang dijadualkan untuk migrasi antara

daerah dalam negeri, 'universe' bagi migrasi antara negeri terdiri daripada negeri-negeri yang mempunyai lebih dari satu DP. Ini bermakna bahawa sebarang pergerakan antara Perlis atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan dengan mana-mana daerah di negeri lain adalah dianggap sebagai migrasi antara negeri. Perlu diberi perhatian bahawa pergerakan antara daerah yang melibatkan dua negeri yang berlainan dikelaskan sebagai migrasi antara negeri seperti yang telah dibincangkan lebih awal.

- 3.18 Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991 mencatatkan 928,044 migran antara daerah dalam Malaysia bagi tempoh lima tahun, iaitu 1986-1991. Perlu diambil ingatan bahawa tahap migrasi antara daerah dalam negeri mempunyai kaitan secara langsung dengan jumlah bilangan daerah dalam sesebuah negeri seperti yang dapat dilihat di Jadual 3.6. Negeri Sarawak mempunyai bilangan migran antara daerah yang tertinggi, juga mempunyai bilangan DP yang terbanyak, iaitu 28 kesemuanya. Sebaliknya, negeri Melaka dengan bilangan DP yang terendah (iaitu tiga) menunjukkan tahap migrasi antara daerah yang terendah.

Jadual 3.6: Migrasi antara daerah dalam negeri mengikut negeri destinasi, Malaysia, 1986-1991

| Negeri destinasi | Bilangan daerah/jajahan | Migrasi antara daerah | |
|---------------------|-------------------------|-----------------------|-----------------|
| | | Bilangan | Kadar (peratus) |
| Johor | 8 | 108,362 | 5.3 |
| Kedah | 11 | 63,316 | 4.9 |
| Kelantan | 10 | 65,522 | 5.6 |
| Melaka | 3 | 11,318 | 2.2 |
| Negeri Sembilan | 7 | 28,647 | 4.1 |
| Pahang | 10 | 54,287 | 5.2 |
| Perak | 9 | 75,303 | 4.0 |
| Perlis | 1 | : | : |
| Pulau Pinang | 5 | 39,993 | 3.8 |
| Sabah | 23 | 166,323 | 9.6 |
| Sarawak | 28 | 175,775 | 10.7 |
| Selangor | 9 | 103,870 | 4.5 |
| Terengganu | 7 | 35,328 | 4.6 |
| Wilayah Persekutuan | | | |
| - Kuala Lumpur | 1 | : | : |
| - Labuan | 1 | : | : |
| Malaysia | 133 | 928,044 | 5.3 |

- 3.19 Secara keseluruhannya, migran antara daerah dalam negeri mewakili kira-kira 5 peratus daripada penduduk Malaysia. Jadual 3.6 juga menunjukkan tahap migrasi antara daerah bagi setiap negeri berbanding dengan penduduk negeri berkenaan. Negeri Sarawak mengekalkan kedudukannya dengan peratusan tertinggi, iaitu hampir 11 peratus daripada penduduknya yang telah berpindah dari satu daerah ke daerah lain semasa tempoh 1986-1991. Seperti yang dijangkakan, Melaka merupakan negeri yang mempunyai peratusan migran antara daerah yang terendah (2.2 peratus).
- 3.20 Lebih menarik jika dilihat migrasi antara daerah dalam negeri dari segi perkadaruan migrasi masuk, migrasi keluar dan migrasi bersih yang menunjukkan pola pergerakan antara daerah di dalam sempadan negeri masing-masing. Jadual 3.7 merekodkan kadar bagi setiap daerah mengikut negeri. Satu ciri yang seragam dalam corak migrasi antara daerah dapat diringkaskan daripada jadual tersebut. Di kebanyakan negeri, daerah-daerah di mana terletak ibu kota (yang berhuruf tebal di Jadual 3.7) menunjukkan perkadaruan migrasi masuk bersih kecuali di tiga negeri, iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu yang mengalami migrasi keluar bersih seperti yang diperhatikan bagi masing-masingnya daerah Kota Setar, Timur Laut dan Kuala Terengganu.
- 3.21 Indeks keutamaan migrasi boleh juga dibentuk untuk mengenal pasti daerah yang menjadi pilihan utama migran antara daerah. Bagaimanapun, indeks-indeks berkenaan tidak ditunjukkan dalam laporan ini dan hanya penemuan-penemuan dibincangkan.
- 3.22 Satu aliran jelas yang muncul daripada pemerhatian indeks-indeks keutamaan bagi migrasi antara daerah ialah nilai indeks yang tinggi bagi pergerakan dari satu daerah ke daerah yang berjiran. Kenyataan ini benar bagi semua kes tanpa pengecualian. Seperti dalam kes migrasi antara negeri, faktor jarak dan penempatan pusat pertumbuhan bandar yang berhampiran serta perbezaan taraf ekonomi dapat menjelaskan aliran pergerakan seperti yang dinyatakan oleh indeks-indeks yang mana melebihi jangkaan atau di bawah jangkaan.

Jadual 3.7: Migrasi antara daerah dalam negeri mengikut daerah pentadbiran, Malaysia, 1986-1991

| Daerah pentadbiran/ Jajahan | Kadar (peratus) | | |
|--------------------------------|------------------|-------------------|-------------------|
| | Migrasi masuk | Migrasi keluar | Migrasi bersih |
| JOHOR | | | |
| Batu Pahat | 2.7 | 6.9 | -4.2 |
| Johor Bahru | 6.4 | 2.6 | 3.8 |
| Kluang | 6.6 | 6.1 | 0.5 |
| Kota Tinggi | 6.6 | 6.0 | 0.6 |
| Mersing | 9.7 | 6.3 | 3.4 |
| Muar | 3.2 | 5.1 | -1.9 |
| Pontian | 3.2 | 9.9 | -6.7 |
| Segamat | 5.2 | 5.6 | -0.5 |
| KEDAH | | | |
| Baling | 2.9 | 6.0 | -3.1 |
| Bandar Baharu | 2.2 | 4.9 | -2.7 |
| Kota Setar | 4.4 | 4.5 | -0.1 |
| Kuala Muda | 7.1 | 2.6 | 4.4 |
| Kubang Pasu | 4.2 | 4.8 | -0.6 |
| Kulim | 5.4 | 2.9 | 2.5 |
| Langkawi | 5.1 | 3.0 | 2.1 |
| Padang Terap | 4.4 | 6.2 | -1.8 |
| Sik | 4.7 | 7.0 | -2.3 |
| Yan | 6.3 | 8.1 | -1.8 |
| Pendang | 3.6 | 6.9 | -3.4 |
| KELANTAN | | | |
| Bachok | 4.3 | 4.9 | -0.6 |
| Kota Bharu | 5.0 | 4.1 | 0.8 |
| Machang | 6.1 | 7.9 | -1.7 |
| Pasir Mas | 3.5 | 6.4 | -2.9 |
| Pasir Putih | 3.3 | 6.2 | -2.9 |
| Tanah Merah | 7.5 | 6.4 | 1.1 |
| Tumpat | 3.8 | 5.7 | -1.9 |
| Gua Musang | 15.0 | 4.0 | 11.0 |
| Kuala Krai | 7.4 | 7.0 | 0.4 |
| Jeli | 7.8 | 6.9 | 0.9 |
| MELAKA | | | |
| Alor Gajah | 2.2 | 3.3 | -1.1 |
| Jasin | 2.1 | 3.6 | -1.5 |
| Melaka Tengah | 2.3 | 1.1 | 1.3 |
| NEGERI SEMBILAN | | | |
| Jelebu | 3.7 | 6.3 | -2.7 |
| Kuala Pilah | 5.1 | 7.2 | -2.1 |
| Port Dickson | 3.0 | 4.2 | -1.2 |
| Rembau | 5.1 | 8.1 | -3.0 |
| Seremban | 3.9 | 2.1 | 1.7 |
| Tampin | 3.8 | 5.8 | -2.0 |
| Jempol | 5.1 | 3.0 | 2.2 |

Jadual 3.7: Migrasi antara daerah dalam negeri mengikut daerah pentadbiran, Malaysia, 1986-1991 (samb.)

| Daerah pentadbiran/ Jajahan | Kadar (peratus) | | |
|--------------------------------|------------------|-------------------|-------------------|
| | Migrasi masuk | Migrasi keluar | Migrasi bersih |
| PAHANG | | | |
| Bentong | 5.0 | 4.3 | 0.7 |
| Cameron Highlands | 2.3 | 1.8 | 0.5 |
| Jerantut | 6.2 | 10.1 | -3.9 |
| Kuantan | 4.9 | 2.9 | 2.1 |
| Lipis | 6.4 | 4.6 | 1.7 |
| Pekan | 7.8 | 6.4 | 1.4 |
| Raub | 4.5 | 5.0 | -0.5 |
| Temerloh | 4.4 | 6.0 | -1.6 |
| Rompin | 4.9 | 3.7 | 1.2 |
| Maran | 5.4 | 5.1 | 0.4 |
| PERAK | | | |
| Batang Padang | 5.4 | 4.3 | 1.1 |
| Manjung | 3.6 | 4.3 | -0.7 |
| Kinta | 3.9 | 2.1 | 1.8 |
| Kerian | 2.5 | 4.6 | -2.1 |
| Kuala Kangsar | 4.3 | 5.7 | -1.4 |
| Larut & Matang | 4.0 | 3.4 | 0.5 |
| Hilir Perak | 2.4 | 5.0 | -2.7 |
| Ulu Perak | 5.3 | 5.9 | -0.6 |
| Perak Tengah | 9.0 | 6.9 | 2.0 |
| PULAU PINANG | | | |
| Seberang Perai Tengah | 5.5 | 2.6 | 2.8 |
| Seberang Perai Utara | 2.4 | 4.0 | -1.7 |
| Seberang Perai Selatan | 2.1 | 2.7 | -0.7 |
| Timur Laut | 2.8 | 3.2 | -0.3 |
| Barat Daya | 7.3 | 5.5 | 1.8 |
| SABAH | | | |
| Tawau | 5.6 | 9.2 | -3.6 |
| Lahad Datu | 9.7 | 9.3 | 0.4 |
| Semporna | 4.6 | 12.0 | -7.4 |
| Sandakan | 5.0 | 11.5 | -6.5 |
| Kinabatangan | 16.6 | 2.2 | 14.5 |
| Beluran | 12.7 | 4.7 | 8.0 |
| Kota Kinabalu | 13.8 | 11.5 | 2.3 |
| Ranau | 7.8 | 7.9 | -0.1 |
| Kota Belud | 4.8 | 8.7 | -3.9 |
| Tuaran | 8.6 | 8.9 | -0.3 |
| Penampang | 19.0 | 9.9 | 9.1 |
| Papar | 12.5 | 10.2 | 2.3 |
| Kudat | 6.3 | 12.0 | -5.7 |
| Kota Marudu | 7.8 | 6.8 | 1.0 |
| Pitas | 9.1 | 5.5 | 3.6 |
| Beaufort | 9.1 | 10.2 | -1.1 |
| Kuala Penyu | 6.8 | 10.2 | -3.3 |
| Sipitang | 18.0 | 7.8 | 10.2 |

Jadual 3.7: Migrasi antara daerah dalam negeri mengikut daerah pentadbiran, Malaysia, 1986-1991 (samb.).

| Daerah pentadbiran/ Jajahan | Kadar (peratus) | | |
|--------------------------------|------------------|-------------------|-------------------|
| | Migrasi masuk | Migrasi keluar | Migrasi bersih |
| SABAH (samb.) | | | |
| Tenom | 8.8 | 9.3 | -0.6 |
| Nabawan | 20.9 | 4.4 | 16.4 |
| Keningau | 13.2 | 7.7 | 5.4 |
| Tambunan | 10.7 | 10.3 | 0.4 |
| Kunak | 11.1 | 11.0 | 0.1 |
| SARAWAK | | | |
| Kuching | 8.5 | 5.4 | 3.1 |
| Bau | 5.1 | 12.7 | -7.6 |
| Lundu | 6.3 | 12.1 | -5.9 |
| Samarahan | 10.1 | 12.5 | -2.4 |
| Serian | 4.5 | 10.8 | -6.3 |
| Simunjan | 6.0 | 14.2 | -8.1 |
| Sri Aman | 8.6 | 15.4 | -6.8 |
| Lubok Antu | 5.8 | 11.6 | -5.8 |
| Betong | 6.1 | 18.0 | -11.9 |
| Saratak | 5.6 | 12.8 | -7.2 |
| Sarikei | 9.8 | 14.6 | -4.8 |
| Maradong | 8.8 | 21.5 | -12.7 |
| Matu | .. | .. | .. |
| Daro | 7.9 | 16.1 | -8.2 |
| Julau | 4.1 | 11.7 | -7.6 |
| Sibu | 11.4 | 12.7 | -1.3 |
| Dalat | 9.9 | 22.8 | -12.9 |
| Mukah | 16.8 | 13.6 | 3.3 |
| Kanowit | 4.9 | 24.1 | -19.2 |
| Bintulu | 23.9 | 8.5 | 15.3 |
| Tatau | 30.3 | 13.0 | 17.3 |
| Kapit | 13.4 | 14.1 | -0.7 |
| Song | 10.1 | 17.1 | -7.1 |
| Belaga | 31.4 | 10.9 | 20.5 |
| Miri | 13.1 | 7.4 | 5.7 |
| Marudi | 14.5 | 7.4 | 7.1 |
| Limbang | 9.4 | 8.8 | 0.6 |
| Lawas | 7.1 | 6.0 | 1.1 |
| SELANGOR | | | |
| Gombak | 3.7 | 4.8 | -1.1 |
| Klang | 4.8 | 3.9 | 0.9 |
| Kuala Langat | 3.4 | 4.5 | -1.2 |
| Kuala Selangor | 4.0 | 7.3 | -3.3 |
| Petaling | 5.0 | 3.9 | 1.1 |
| Sabak Bernam | 2.2 | 7.7 | -5.5 |
| Sepang | 5.7 | 4.1 | 1.5 |
| Ulu Langat | 5.4 | 2.6 | 2.8 |
| Ulu Selangor | 3.3 | 4.1 | -0.8 |

Jadual 3.7: Migrasi antara daerah dalam negeri mengikut daerah pentadbiran, Malaysia, 1986-1991 (samb.).

| Daerah pentadbiran/ Jajahan | Kadar (peratus) | | |
|--------------------------------|------------------|-------------------|-------------------|
| | Migrasi masuk | Migrasi keluar | Migrasi bersih |
| TERENGGANU | | | |
| Besut | 2.5 | 4.2 | -1.7 |
| Dungun | 7.2 | 4.7 | 2.5 |
| Kemaman | 6.9 | 3.6 | 3.3 |
| Kuala Terengganu | 2.9 | 4.0 | -1.1 |
| Marang | 6.9 | 4.5 | 2.4 |
| Hulu Terengganu | 5.4 | 6.4 | -1.0 |
| Setiu | 4.2 | 6.5 | -2.3 |

Migrasi bandar dan luar bandar

- 3.23 Kajian migrasi antara negeri dan antara daerah dalam negeri menjadi lebih rumit kerana ia bukan hanya melibatkan aliran tertentu yang melintasi sempadan negeri atau daerah masing-masing, tetapi juga melibatkan beberapa aliran migrasi bandar dan luar bandar. Impak migrasi bukan hanya bergantung kepada bilangan migran dari segi angka mutlak tetapi juga terhadap taraf bandar atau luar bandar bagi kedua-dua tempat asal dan destinasi.
- 3.24 Banci tahun 1991 memberikan klasifikasi pergerakan mengikut pola-pola berikut: migrasi bandar ke bandar, bandar ke luar bandar, luar bandar ke bandar dan luar bandar ke luar bandar. Perlu ditekankan bahawa klasifikasi kawasan bandar antara Banci tahun 1980 dan 1991 adalah berbeza dan dengan itu perhatian perlu diberikan semasa membuat interpretasi terhadap perubahan arah aliran migrasi bandar dan luar bandar. Banci tahun 1991 mengelaskan kawasan di luar pinggiran bandar yang diwartakan sebagai kawasan 'tepubina' yang mempunyai ciri-ciri bandar sebagai sebahagian daripada kawasan bandar. Dengan itu, untuk memahami arah aliran dan pola pergerakan, rujukan telah dibuat ke atas data migrasi tahunan daripada Penyiasatan Tenaga Buruh Migrasi tahun 1992 dan 1993 yang mengambil kira definisi bandar yang telah dikaji semula seperti yang digunakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991.

3.25 Jadual 3.8 menunjukkan aliran migrasi bandar dan luar bandar bagi keduanya migrasi antara negeri dan antara daerah. Ternyata bahawa aliran yang paling ketara dalam migrasi antara negeri ialah pergerakan bandar ke bandar yang merupakan 55 peratus daripada jumlah pergerakan antara negeri semasa tempoh 1986-1991. Pergerakan luar bandar ke bandar merupakan 16.1 peratus bagi tempoh yang sama walaupun kepentingannya bertambah berdasarkan data PTBM bagi tempoh 1991-1992 dan 1992-1993. Perkadaran yang direkodkan adalah 18.4 peratus bagi tempoh 1991-1992 dan didapati bertambah kepada 20.6 peratus bagi tempoh 1992-1993.

Jadual 3.8: Taburan peratus migrasi antara negeri dan migrasi antara daerah dalam negeri mengikut arah aliran migrasi dan tempoh migrasi, Malaysia, 1986-1993

| Arah aliran migrasi | Banci (1991) | Data penyiasatan | |
|--------------------------------------|-----------------|------------------|-----------|
| | 1986-1991 | 1991-1992 | 1992-1993 |
| Migrasi antara negeri | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| Bandar-bandar | 55.0 | 44.2 | 44.0 |
| Bandar-luar bandar | 18.5 | 21.7 | 20.6 |
| Luar bandar-bandar | 16.1 | 18.4 | 20.6 |
| Luar bandar-luar bandar | 10.4 | 15.7 | 14.8 |
| Migrasi antara daerah ^(a) | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| Bandar-bandar | 24.1 | 25.7 | 23.3 |
| Bandar-luar bandar | 21.2 | 14.8 | 20.6 |
| Luar bandar-bandar | 23.0 | 22.7 | 23.9 |
| Luar bandar-luar bandar | 31.7 | 36.8 | 32.2 |

(a) Bagi data penyiasatan, migrasi antara daerah termasuk pergerakan dalam daerah.

3.26 Taburan aliran migrasi antara daerah di antara empat aliran tersebut adalah sama rata pembahagiannya. Jadual 3.8 menunjukkan bahawa data PTBM bagi tempoh 1991-1992 dan 1992-1993 memberikan peratusan yang sama seperti migrasi tempoh lima tahun bagi banci, walaupun arah aliran mengikut masa tidak begitu jelas. Bagaimanapun, migrasi antara daerah seperti pergerakan berjarak dekat, berkecenderungan kepada pergerakan antara kawasan luar bandar dan dari satu kawasan bandar ke destinasi bandar lain dalam negeri yang sama.

- 3.27 Memandangkan minat yang bertambah terhadap impak migrasi bandar ke luar bandar dalam proses pembangunan dan pembangunan di negara-negara Asia dan kawasan Pasifik, migrasi ke bandar akan dibincangkan dengan terperinci dalam Jadual 3.9. Jumlah kawasan bandar dengan penduduk 10,000 orang dan lebih telah dibahagikan secara arbitrari kepada bandar ke bandar mengikut beberapa kelas saiz penduduk: bandaraya dengan penduduk sebanyak 75,000 orang dan lebih, bandar besar dengan penduduk sebanyak 25,000-74,999 orang dan akhir sekali ialah bandar kecil dengan penduduk di antara 10,000 dan 24,999 orang. Kategori lain adalah kawasan luar bandar dengan penduduk kurang daripada 10,000 orang.
- 3.28 Analisis terdahulu telah menyatakan bahawa migrasi ke bandar bagi tempoh 1986-1991 adalah lebih ketara dalam migrasi antara negeri. Dari Jadual 3.9 dapat diperhatikan bahawa aliran tunggal terdiri daripada orang yang bergerak dari kawasan bandar dengan kelas saiz 75,000 dan lebih ke destinasi dalam kategori yang sama (28 peratus daripada jumlah pergerakan). Pergerakan dari luar bandar ke bandar berjumlah kira-kira 16 peratus daripada migrasi antara negeri yang mana daripada jumlah ini, 11 peratus menghala ke bandaraya metropolitan (dengan 75,000 orang dan lebih) dan sejumlah kecil ke kawasan bandar yang lebih kecil; 3.5 peratus ke pusat-pusat bandar dalam kelas saiz 25,000-74,999 orang dan hanya 1.8 peratus ke destinasi dengan penduduk sebanyak 10,000-24,999 orang.
- 3.29 Walaupun Jadual 3.8 menunjukkan migrasi antara daerah mempunyai taburan pergerakan yang saksama, data terperinci di Jadual 3.9 menunjukkan ciri-ciri yang menarik. Aliran terbesar adalah dari kawasan luar bandar ke bandaraya metropolitan dengan kelas saiz penduduk 75,000 orang atau lebih, yang merupakan 16.5 peratus daripada jumlah pergerakan.
- 3.30 Secara amnya, migrasi ke bandar didapati memainkan peranan yang kecil dalam pertumbuhan penduduk di kawasan bandar di Malaysia, yang mana komponen pertumbuhan utama adalah melalui pertambahan semula jadi dan pengelasan semula kawasan bandar semasa tempoh antara banci 1980-1991 (*Pembangunan dan Pertumbuhan Bandar di Malaysia, Siri Monograf Banci No. 1*). Kajian yang sama menunjukkan bahawa Malaysia tidak mengalami satu kemunculan bandar mega yang utama dalam pola urbanisasi; penduduk bandar

di Malaysia mempunyai taburan sama rata mengikut kawasan berbanding dengan senario di negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Filipina.

Jadual 3.9: Taburan peratus migrasi antara negeri dan migrasi antara daerah dalam negeri mengikut arah aliran migrasi dan kelas saiz penduduk kawasan bandar, Malaysia, 1986-1991

| Arah aliran migrasi/ kelas saiz tempat asal | Kelas saiz bagi destinasi bandar | | | Luar bandar | Jumlah |
|---|----------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------|
| | 75,000 dan lebih | 25,000- 74,999 | 10,000- 24,999 | Bandar | |
| Migrasi antara negeri | | | | | |
| | | | | | |
| Bandar | 39.3 | 11.0 | 4.7 | 55.0 | 18.5 |
| 75,000 dan lebih | 27.7 | 8.3 | 3.2 | 39.2 | 12.2 |
| 25,000 - 74,999 | 5.8 | 1.4 | 0.7 | 8.0 | 3.0 |
| 10,000 - 24,999 | 5.7 | 1.4 | 0.8 | 7.8 | 3.3 |
| Luar bandar | 10.8 | 3.5 | 1.8 | 16.1 | 10.4 |
| Jumlah | 50.1 | 14.5 | 6.5 | 71.1 | 28.9 |
| | | | | | 100.0 |
| Migrasi antara daerah dalam negeri | | | | | |
| | | | | | |
| Bandar | 15.4 | 5.4 | 3.3 | 24.1 | 21.2 |
| 75,000 dan lebih | 7.9 | 3.7 | 1.9 | 13.6 | 13.6 |
| 25,999 - 74,999 | 3.8 | 1.0 | 0.5 | 5.3 | 3.3 |
| 10,000 - 24,999 | 3.7 | 0.8 | 0.8 | 5.3 | 4.3 |
| Luar bandar | 16.5 | 3.4 | 3.1 | 23.0 | 31.7 |
| Jumlah | 31.9 | 8.8 | 6.4 | 47.1 | 52.9 |
| | | | | | 100.0 |

- 3.31 Jadual 3.10 memperlihatkan migrasi bandar dan luar bandar dari dimensi jantina memandangkan minat yang semakin meningkat terhadap kajian hubungkait di antara proses pembangunan dengan peranan dan penglibatan wanita. Pada umumnya kebanyakan migrasi di Malaysia dilakukan oleh lelaki dan nisbah jantina di Jadual 3.10 menunjukkan bahawa keadaan ini lebih ketara bagi migran yang menuju ke destinasi luar bandar (nisbah jantina melebihi 120). Adalah nyata wanita lebih cenderung ke arah kawasan bandar yang bersaiz pertengahan (di antara 25,000 hingga 74,999 orang). Ini dicerminkan oleh nisbah jantina yang rendah, iaitu 101 bagi migrasi bandar ke bandar dengan kelas saiz tersebut dan terdapat juga nisbah jantina 103 bagi migrasi dari luar bandar ke destinasi bandar (di antara 25,000 hingga 74,999 orang).

Jadual 3.10: Nisbah jantina migran antara negeri dan migran antara daerah dalam negeri mengikut arah aliran migrasi dan kelas saiz penduduk kawasan bandar, Malaysia, 1986-1991

| Arah aliran migrasi/ kelas saiz tempat asal | Kelas saiz bagi destinasi bandar | | | Luar bandar | Jumlah |
|---|----------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|--------|
| | 75,000 dan lebih | 25,000- 74,999 | 10,000- 24,999 | Bandar | |
| Migran antara negeri | | | | | |
| | | | | | |
| Bandar | 108 | 105 | 115 | 108 | 124 |
| 75,000 dan lebih | 109 | 106 | 115 | 109 | 124 |
| 25,000 - 74,999 | 106 | 101 | 113 | 106 | 120 |
| 10,000 - 24,999 | 106 | 104 | 117 | 107 | 125 |
| Luar bandar | 107 | 103 | 106 | 106 | 116 |
| Jumlah | 108 | 105 | 113 | 109 | 121 |
| Migran antara daerah dalam negeri | | | | | |
| | | | | | |
| Bandar | 102 | 101 | 105 | 103 | 123 |
| 75,000 dan lebih | 106 | 102 | 105 | 105 | 125 |
| 25,999 - 74,999 | 101 | 97 | 102 | 100 | 119 |
| 10,000 - 24,999 | 96 | 102 | 105 | 98 | 116 |
| Luar bandar | 95 | 111 | 102 | 98 | 126 |
| Jumlah | 99 | 105 | 104 | 101 | 124 |

- 3.32 Pergerakan berjarak jauh lebih dilakukan oleh lelaki seperti yang dilihat dalam migrasi antara negeri berbanding dengan migrasi antara daerah. Dalam jadual tersebut, nisbah-nisbah di bawah 100 ditunjukkan bagi beberapa aliran migrasi antara daerah. Pergerakan yang paling ketara ialah dari luar bandar ke bandar khususnya dari kawasan luar bandar ke bandaraya metropolitan dengan kelas saiz 75,000 orang dan lebih yang mana bilangan perempuan melebihi lelaki seperti yang dinyatakan oleh nisbah jantina sebanyak 95. Ini diikuti oleh nisbah jantina sebanyak 96 bagi pergerakan dari bandar-bandar kecil (10,000-24,999) ke kawasan bandar metropolitan.

BAB 4

PROFIL MIGRAN DALAMAN

- 4.1 Data menyeluruh tentang ciri-ciri migran pada tempat destinasi biasanya dapat diperoleh daripada banci dan penyiasatan. Profil ini, beserta perbandingan dengan penduduk bukan migran, secara amnya memberi kefahaman tentang perbezaan demografi dan sosioekonomi migran dari segi umur, jantina, kumpulan etnik, taraf perkahwinan, pendidikan dan pekerjaan. Perlu diambil ingatan bahawa ciri-ciri migran ini diukur pada akhir tempoh migrasi dan dengan itu tidak mencerminkan taraf migran pada masa mereka berpindah. Dalam hubungan ini, penyesuaian diri dan kesejahteraan hidup migran di tempat destinasi tidak dibincangkan dengan meluas. Ini disebabkan data tentang ciri-ciri migran sebelum mereka berpindah, iaitu di tempat asal, tidak diperoleh.
- 4.2 Laporan ini memberi tumpuan kepada keterpilihan migran di daerah atau negeri destinasi masing-masing bagi migran antara daerah dan antara negeri berbanding dengan penduduk bukan migran di tempat destinasi. Taburan bagi ketiga-tiga kumpulan ini dibandingkan mengikut ciri-ciri terpilih seperti umur, etnik, pendidikan, taraf perkahwinan, taraf tenaga buruh dan struktur pekerjaan. Satu ukuran ringkas yang disebut sebagai Indeks Ketakserupaan ('Index of Dissimilarity') telah dibentuk untuk melihat perbezaan di antara ketiga-tiga kumpulan tersebut dan akan dibincangkan di bahagian terakhir dalam bab ini.

Keterpilihan umur dan jantina

- 4.3 Malaysia juga tidak terkecuali daripada pemerhatian umum bahawa migran terdiri daripada orang muda yang berumur di antara 15 dan 34 tahun dan mencapai tahap kemuncak pada kumpulan umur 20-24 tahun. Jadual 4.1 menunjukkan taburan peratus migran di tempat destinasi berbanding dengan penduduk bukan migran, mengikut umur dan jantina. Hampir 60 peratus daripada migran antara negeri berumur di antara 15 dan 34 tahun berbanding dengan 54 peratus bagi migran antara daerah dan hanya 32


peratus bagi penduduk bukan migran. Migran antara negeri, khususnya kaum perempuan, mempunyai tumpuan yang tinggi (20.4 peratus) dalam kumpulan umur 20-24 berbanding dengan 16.9 peratus bagi migran antara daerah dan hanya 7.6 peratus bagi bukan migran dalam kumpulan umur yang sama. Struktur umur bagi migran antara negeri dan migran antara daerah ditunjukkan di Rajah 4.1 yang membandingkan piramid umur kedua-dua kumpulan migran tersebut dengan penduduk bukan migran bagi lelaki dan perempuan.

Jadual 4.1: Taburan peratus bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991

| Kumpulan umur | Bukan migran | | | Migran antara negeri | | | Migran antara daerah | | |
|-----------------------|--------------|---------|-----------|----------------------|--------|-----------|----------------------|--------|-----------|
| | Jumlah | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Lelaki | Perempuan |
| 0-4 | 12.5 | 12.9 | 12.1 | 6.9 | 6.7 | 7.0 | 8.4 | 8.2 | 8.7 |
| 5-9 | 13.5 | 13.9 | 13.1 | 10.1 | 9.8 | 10.4 | 11.0 | 10.7 | 11.4 |
| 10-14 | 12.0 | 12.3 | 11.7 | 6.9 | 6.8 | 7.1 | 9.3 | 9.0 | 9.7 |
| 15-19 | 9.6 | 9.6 | 9.7 | 12.1 | 12.0 | 12.2 | 13.4 | 12.9 | 14.1 |
| 20-24 | 7.5 | 7.3 | 7.6 | 19.3 | 18.4 | 20.4 | 15.4 | 14.0 | 16.9 |
| 25-29 | 7.6 | 7.3 | 7.8 | 16.3 | 15.5 | 17.2 | 14.3 | 14.0 | 14.5 |
| 30-34 | 7.5 | 7.2 | 7.7 | 11.9 | 12.7 | 10.9 | 10.7 | 11.6 | 9.7 |
| 35-39 | 6.7 | 6.5 | 6.8 | 7.0 | 7.8 | 6.1 | 7.0 | 8.1 | 5.8 |
| 40-44 | 5.6 | 5.6 | 5.7 | 3.8 | 4.6 | 3.0 | 3.9 | 4.7 | 3.1 |
| 45-49 | 4.2 | 4.3 | 4.1 | 1.8 | 2.1 | 1.4 | 2.1 | 2.5 | 1.6 |
| 50-54 | 3.9 | 3.9 | 3.8 | 1.2 | 1.3 | 1.2 | 1.5 | 1.7 | 1.3 |
| 55-59 | 2.9 | 2.8 | 2.9 | 0.9 | 0.9 | 1.0 | 1.0 | 1.1 | 1.0 |
| 60-64 | 2.4 | 2.3 | 2.5 | 0.7 | 0.6 | 0.8 | 0.7 | 0.7 | 0.8 |
| 65-69 | 1.6 | 1.5 | 1.6 | 0.4 | 0.3 | 0.5 | 0.4 | 0.4 | 0.5 |
| 70-74 | 1.2 | 1.2 | 1.3 | 0.3 | 0.2 | 0.4 | 0.4 | 0.3 | 0.4 |
| 75-79 | 0.6 | 0.6 | 0.7 | 0.2 | 0.1 | 0.2 | 0.2 | 0.1 | 0.2 |
| 80+ | 0.8 | 0.7 | 0.9 | 0.2 | 0.1 | 0.2 | 0.2 | 0.1 | 0.2 |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| Bilangan (ribu) | 14,741.7 | 7,348.9 | 7,392.9 | 1,145.6 | 605.4 | 540.1 | 928.0 | 491.2 | 436.8 |
| Umur penengah (tahun) | 21.6 | 20.9 | 22.3 | 23.6 | 24.0 | 23.3 | 22.5 | 23.3 | 21.8 |

4.4 Pada keseluruhannya, migran lelaki adalah lebih berumur dan ini ditunjukkan dengan jelas melalui umur penengah. Adalah tidak menghairankan, secara puratanya, kaum wanita cenderung untuk berpindah pada umur yang lebih muda daripada lelaki seperti yang ditunjukkan dalam Banci tahun 1991, yang menunjukkan bahawa perempuan berkahwin pada umur


Rajah 4.1: Taburan penduduk bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991



purata 24.7 tahun, iaitu tiga setengah tahun lebih muda daripada kaum lelaki. Migran lelaki antara negeri mempunyai umur penengah 24.0 tahun berbanding dengan 23.3 tahun bagi perempuan. Walaupun migran antara daerah secara amnya lebih muda daripada migran antara negeri, ia juga menunjukkan umur penengah yang lebih rendah (21.8 tahun) bagi perempuan.

- 4.5 Angka dan perkadaran di atas dapat ditukarkan kepada kadar migrasi tertentu yang ditunjukkan secara grafik di Rajah 4.2. Beberapa tahap kemuncak bagi kadar migrasi dapat dilihat di Rajah 4.2. Satu kemuncak kecil dapat dilihat semasa umur muda dan menurun pada umur bersekolah, tetapi meningkat dengan ketara selepas tamat pendidikan menengah. Kelok ini mencapai kemuncak tertinggi di antara umur 20 dan 24 tahun, iaitu semasa memasuki pasaran buruh dan terdapat kemungkinan pergerakan ini mempunyai kaitan dengan perkahwinan, khususnya bagi perempuan. Satu kemuncak kecil dapat dilihat lagi di antara umur 55-59 tahun dan boleh diinterpretasikan sebagai migrasi 'persaraan'.

Rajah 4.2: Kadar migrasi bagi migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 1986-1991



Ketepilihan etnik

4.6 Pemerhatian yang menarik di Jadual 4.2 ialah kumpulan etnik Melayu mempunyai kadar migrasi yang tertinggi bagi migran antara negeri, iaitu 8.9 peratus berbanding dengan kumpulan etnik lain. Kumpulan etnik India menduduki tempat kedua dengan kadar migrasi 7.2 peratus dan Cina adalah kumpulan etnik yang paling kurang berpindah di kalangan tiga kumpulan etnik utama. Pola yang sama dilihat bagi migran antara negeri bagi lelaki dan perempuan. Lelaki dan perempuan Melayu menunjukkan perkadaran migrasi yang tertinggi, iaitu masing-masingnya 9.4 peratus dan 8.5 peratus. Bagi setiap kumpulan etnik, lelaki mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk berpindah berbanding dengan perempuan.

Jadual 4.2: Migran antara negeri dan migran antara daerah sebagai proposi daripada jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik dan jantina, Malaysia, 1986-1991

| Kumpulan etnik | Migran antara negeri | | | Migran antara daerah | | |
|----------------------|----------------------|--------|--------|----------------------|--------|--------|
| | Jumlah | Lelaki | P'puan | Jumlah | Lelaki | P'puan |
| Warganegara Malaysia | 6.7 | 7.0 | 6.4 | 5.2 | 5.4 | 4.9 |
| Bumiputera | 7.6 | 8.0 | 7.2 | 6.2 | 6.5 | 5.9 |
| Melayu | 8.9 | 9.4 | 8.5 | 5.5 | 5.5 | 5.4 |
| Bumiputera lain | 1.4 | 1.6 | 1.2 | 9.8 | 10.9 | 8.6 |
| Cina | 4.9 | 5.1 | 4.6 | 3.1 | 3.4 | 2.9 |
| India | 7.2 | 7.6 | 6.9 | 4.1 | 4.1 | 4.1 |
| Lain-lain | 3.3 | 3.6 | 3.0 | 5.9 | 6.3 | 5.5 |
| Bukan warganegara | 3.2 | 3.5 | 2.8 | 8.1 | 8.3 | 7.9 |
| Malaysia | | | | | | |
| Jumlah | 6.5 | 6.9 | 6.2 | 5.3 | 5.6 | 5.0 |

4.7 Di kalangan migran antara daerah, 'Bumiputera lain' menyumbang kadar migrasi yang tertinggi (9.8 peratus) seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.2. Kumpulan ini adalah termasuk kumpulan etnik Dusun dan Kadazan di Sabah dan kumpulan etnik Iban di Sarawak yang merupakan kumpulan etnik utama di negeri masing-masing. Kadar ini turut mencerminkan tahap pergerakan antara daerah yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak. Kadar migrasi antara daerah juga tinggi bagi kumpulan etnik Melayu (5.5 peratus), diikuti oleh kumpulan etnik India (4.1 peratus). Kumpulan etnik Cina kekal sebagai kumpulan yang paling kurang berpindah. Pola yang serupa bagi kadar migrasi mengikut kumpulan etnik juga dapat dilihat bagi kedua-dua lelaki dan perempuan walaupun lelaki umumnya menunjukkan kadar migrasi yang lebih tinggi. Perlu diberi perhatian

bahawa bukan warganegara Malaysia menunjukkan kadar migrasi antara daerah yang tinggi daripada migrasi antara negeri.

- 4.8 Analisis mengikut umur dan jantina sebelum ini memperlihatkan beberapa perbezaan di antara tiga kumpulan yang dibandingkan, iaitu bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah. Dengan itu, dalam analisis berikutnya tentang ciri-ciri lain seperti taraf perkahwinan dan pendidikan, usaha telah dibuat untuk menstandardkan umur mengikut taburan umur bukan migran. Begitu juga, di mana-mana yang berkaitan, data mengikut pekerjaan telah dikawal dari segi pendidikan bagi mengelak kesan daripada perbezaan komposisi pendidikan bagi ketiga-tiga kumpulan yang dikaji.

Keterpilihan taraf perkahwinan

- 4.9 Jadual 4.3 memberikan taburan migran antara negeri dan antara daerah mengikut taraf perkahwinan yang telah distandardkan mengikut taburan umur bagi bukan migran. Dapat dilihat bahawa, selepas penstandardan

Jadual 4.3: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah dan kadar migrasi mengikut taraf perkahwinan dan jantina, Malaysia, 1986-1991

| Taraf perkahwinan | Taburan peratus | | | Kadar migrasi | |
|------------------------|-----------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | Bukan migran | Migran antara negeri | Migran antara daerah | Migran antara negeri | Migran antara daerah |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 6.6 | 5.3 |
| Tidak pernah berkahwin | 58.2 | 58.3 | 55.8 | 6.8 | 5.8 |
| Berkahwin | 37.7 | 36.9 | 39.3 | 6.6 | 5.2 |
| Balu/duda | 3.4 | 4.1 | 4.0 | 2.8 | 2.5 |
| Bercerai | 0.7 | 0.8 | 0.9 | 4.8 | 4.7 |
| Lelaki | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 6.9 | 5.6 |
| Tidak pernah berkahwin | 61.5 | 61.4 | 59.5 | 6.8 | 6.0 |
| Berkahwin | 37.0 | 36.8 | 38.6 | 6.9 | 5.4 |
| Balu/duda | 1.2 | 1.4 | 1.5 | 3.2 | 3.0 |
| Bercerai | 0.4 | 0.4 | 0.6 | 5.1 | 5.9 |
| Perempuan | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 6.2 | 5.1 |
| Tidak pernah berkahwin | 54.9 | 54.9 | 52.0 | 6.7 | 5.6 |
| Berkahwin | 38.4 | 37.1 | 39.8 | 6.2 | 4.9 |
| Balu/duda | 5.7 | 6.7 | 6.8 | 2.8 | 2.4 |
| Bercerai | 1.0 | 1.2 | 1.4 | 4.7 | 4.3 |

umur, taburan penduduk bukan migran dan migran mengikut taraf perkahwinan adalah hampir sama. Walaupun proposi penduduk balu/duda dan bercerai rendah secara relatifnya, migran antara negeri dan migran antara daerah menunjukkan perkadarannya lebih tinggi berbanding dengan penduduk bukan migran. Jadual 4.3 juga memberi kadar migrasi mengikut taraf perkahwinan yang menunjukkan bahawa orang yang tidak pernah berkahwin pada umumnya lebih cenderung untuk berpindah. Orang yang bercerai atau berpisah mempunyai kadar migrasi yang agak tinggi; diperhatikan bahawa migran lelaki antara daerah dalam kumpulan ini mencatatkan kadar migrasi sebanyak 5.9 peratus.

Keterpilihan pendidikan

- 4.10 Pendidikan biasanya mempunyai korelasi yang positif dengan migrasi; orang muda mungkin berpindah untuk melanjutkan pendidikan yang lebih tinggi atau mereka berpendidikan tinggi berpindah bagi mendapatkan pekerjaan yang setara dengan kelulusan mereka. Perbezaan pendidikan boleh dinilai melalui pencapaian pelajaran dan sijil tertinggi yang diperoleh, yang mana kedua-dua maklumat tersebut dipungut semasa Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1991. Satu percubaan telah dibuat di Jadual 4.4 untuk membandingkan pencapaian pelajaran tertinggi bagi ketiga-tiga kumpulan ini dengan mengambil kira perbezaan umur di antara mereka.
- 4.11 Migran antara negeri didapati lebih berpendidikan jika dilihat dari segi perkadarannya yang tinggi bagi mereka yang mencapai pelajaran di peringkat menengah dan tertiari, serta perkadarannya yang rendah bagi mereka dalam kategori 'tidak pernah bersekolah'. Selepas mengambil kira perbezaan umur, hampir 12 peratus daripada migran antara negeri telah mencapai pelajaran tertiari berbanding dengan 6 peratus bagi migran antara daerah dan hanya 4.2 peratus bagi bukan migran (Jadual 4.4). Pola dalam keterpilihan pendidikan ini juga dapat dilihat mengikut jantina. Migran antara negeri bagi lelaki dan perempuan menunjukkan keterpilihan pendidikan yang konsisten dari segi tahap pencapaian pelajaran yang lebih tinggi. Bagaimanapun, dalam kes migran antara daerah, bukti bahawa 'migran lebih berpendidikan' tidak dapat dilihat dengan jelas; meskipun mereka mempunyai perkadarannya pendidikan peringkat menengah dan tertiari lebih tinggi berbanding dengan bukan migran, mereka juga mencatatkan proposi yang tidak pernah bersekolah tinggi sedikit daripada bukan migran.

Jadual 4.4: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah dan kadar migrasi mengikut pencapaian pelajaran tertinggi dan jantina, Malaysia, 1986-1991

| Pencapaian pelajaran | Taburan peratus | | | Kadar migrasi | |
|-------------------------|-----------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | Bukan migran | Migran antara negeri | Migran antara daerah | Migran antara negeri | Migran antara daerah |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 6.6 | 5.3 |
| Rendah | 34.9 | 28.8 | 31.4 | 4.2 | 4.5 |
| Menengah | 31.3 | 34.5 | 32.5 | 9.2 | 7.0 |
| Tertiari | 4.2 | 11.8 | 6.0 | 22.7 | 8.4 |
| Tidak pernah bersekolah | 29.6 | 25.0 | 30.1 | 3.2 | 3.8 |
| Lelaki | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 6.9 | 5.6 |
| Rendah | 36.1 | 28.9 | 32.8 | 4.1 | 4.7 |
| Menengah | 33.3 | 36.0 | 33.5 | 9.4 | 7.0 |
| Tertiari | 4.6 | 12.7 | 6.3 | 22.6 | 8.3 |
| Tidak pernah bersekolah | 26.0 | 22.5 | 27.4 | 3.4 | 4.2 |
| Perempuan | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 6.2 | 5.1 |
| Rendah | 33.7 | 29.3 | 30.3 | 4.3 | 4.3 |
| Menengah | 29.4 | 32.7 | 30.9 | 8.9 | 6.9 |
| Tertiari | 3.7 | 10.4 | 5.4 | 23.0 | 8.6 |
| Tidak pernah bersekolah | 33.1 | 27.6 | 33.4 | 3.0 | 3.6 |

- 4.12 Kadar migrasi mengikut pencapaian pelajaran yang diberikan di Jadual 4.4 juga menyokong bahawa pendidikan merupakan satu stimuli kepada migrasi. Di kalangan migran antara negeri mereka yang mencapai pelajaran di peringkat tertiar mencatatkan kadar migrasi yang sangat tinggi kira-kira 23 peratus bagi lelaki dan perempuan. Mereka yang tidak pernah bersekolah merekodkan kadar migrasi terendah bagi migrasi antara negeri atau migrasi antara daerah.
- 4.13 Satu perbandingan taburan penstandardan umur bagi ketiga-tiga kumpulan yang pernah bersekolah mengikut sijil pelajaran tertinggi yang diperoleh seperti di Jadual 4.5 memberikan gambaran yang berlebihan tentang migran antara negeri yang berkelulusan tinggi memamerkan perkadaran yang rendah bagi mereka yang tidak mempunyai sijil serta perkadaran yang secara relatifnya tinggi bagi mereka yang mempunyai kelulusan diploma dan ijazah berbanding dengan bukan migran. Migran antara negeri menjadi

kumpulan yang paling berkelayakan dengan perkadaran yang tinggi bagi pemegang-pemegang sijil SPM, STPM, diploma dan ijazah. Pola ini adalah konsisten dengan kadar migrasi yang tinggi (Jadual 4.5) yang dipamerkan oleh migran antara negeri dan migran antara daerah bagi mereka yang mempunyai sijil SPM atau lebih tinggi. Ini ternyata bagi migran antara negeri; migran lelaki antara negeri mencatatkan kadar migrasi sebanyak 23.7 peratus bagi mereka yang mempunyai diploma manakala migran perempuan antara negeri yang mempunyai ijazah melaporkan kadar migrasi sebanyak 23 peratus.

Jadual 4.5: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah dan kadar migrasi mengikut sijil tertinggi yang diperoleh dan jantina, Malaysia, 1986-1991

| Sijil | Taburan peratus | | | Kadar migrasi | |
|---------------|-----------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| | Bukan migran | Migran antara negeri | Migran antara daerah | Migran antara negeri | Migran antara daerah |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 7.9 | 5.9 |
| Tiada | 67.6 | 61.2 | 69.7 | 4.5 | 4.8 |
| SRP | 14.3 | 11.6 | 11.8 | 9.2 | 7.2 |
| SPM/SPVM | 13.7 | 17.8 | 13.2 | 15.3 | 8.2 |
| STPM | 2.0 | 3.4 | 2.0 | 21.7 | 8.3 |
| Diploma | 1.3 | 2.9 | 1.8 | 23.2 | 9.5 |
| Ijazah | 1.2 | 3.1 | 1.4 | 21.5 | 6.1 |
| Lelaki | | | | | |
| Tiada | 67.2 | 60.2 | 69.6 | 4.5 | 5.0 |
| SRP | 14.5 | 11.8 | 11.9 | 9.5 | 7.4 |
| SPM/SPVM | 13.4 | 17.9 | 12.9 | 15.8 | 8.2 |
| STPM | 1.9 | 3.2 | 1.9 | 20.7 | 8.1 |
| Diploma | 1.4 | 3.2 | 2.0 | 23.7 | 9.6 |
| Ijazah | 1.5 | 3.8 | 1.7 | 20.7 | 6.3 |
| Perempuan | | | | | |
| Tiada | 68.0 | 63.4 | 70.8 | 4.5 | 4.6 |
| SRP | 14.1 | 11.2 | 11.5 | 8.8 | 7.1 |
| SPM/SPVM | 13.9 | 17.4 | 13.2 | 14.9 | 8.3 |
| STPM | 2.0 | 3.4 | 2.0 | 22.7 | 8.5 |
| Diploma | 1.1 | 2.4 | 1.5 | 22.5 | 9.2 |
| Ijazah | 0.8 | 2.1 | 0.9 | 23.0 | 5.6 |

Ciri-ciri tenaga buruh

4.14 Perbezaan migran dan bukan migran selanjutnya diteliti melalui kadar penyertaan tenaga buruh dan pola pekerjaan semasa Banci Penduduk dan


Perumahan tahun 1991. Oleh kerana orang berpindah atas sebab-sebab ekonomi, adalah diandaikan bahawa migran, khasnya migran antara negeri yang pada umumnya bergerak dalam jarak jauh, mempunyai kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi berbanding dengan migran antara daerah dan bukan migran. Jadual 4.6 dan Rajah 4.2 menunjukkan pola umur bagi kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina bagi ketiga-tiga kumpulan tersebut.

Jadual 4.6: Kadar penyertaan tenaga buruh bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991

| Kumpulan umur | Bukan migran | | Migran antara negeri | | | Migran antara daerah | | | Jumlah Lelaki P'puan |
|---------------|--------------|---------------|----------------------|---------------|--------|----------------------|--------|---------------|----------------------|
| | Jumlah | Lelaki P'puan | Jumlah | Lelaki P'puan | Jumlah | Lelaki P'puan | Jumlah | Lelaki P'puan | |
| Jumlah | 62.1 | 83.7 | 41.3 | 63.9 | 80.3 | 45.0 | 65.3 | 85.4 | 41.7 |
| 15-19 | 36.7 | 41.5 | 31.9 | 39.1 | 41.0 | 37.0 | 40.4 | 47.0 | 33.7 |
| 20-24 | 76.3 | 90.5 | 62.8 | 62.8 | 74.7 | 50.7 | 69.1 | 88.8 | 50.6 |
| 25-29 | 73.0 | 97.2 | 50.3 | 72.8 | 94.1 | 51.2 | 71.8 | 96.7 | 44.6 |
| 30-34 | 70.4 | 97.9 | 44.8 | 74.2 | 95.3 | 46.7 | 74.0 | 97.2 | 42.8 |
| 35-39 | 69.4 | 98.1 | 42.0 | 73.3 | 95.3 | 41.7 | 75.4 | 97.4 | 41.1 |
| 40-44 | 68.4 | 97.6 | 39.6 | 73.2 | 93.5 | 38.4 | 75.5 | 96.9 | 38.7 |
| 45-49 | 67.4 | 96.1 | 37.8 | 70.7 | 93.0 | 33.8 | 74.2 | 96.1 | 35.0 |
| 50-54 | 61.4 | 90.8 | 31.8 | 58.2 | 86.7 | 22.4 | 64.8 | 90.8 | 27.0 |
| 55-59 | 45.5 | 68.8 | 22.7 | 33.9 | 52.9 | 12.8 | 43.7 | 64.7 | 17.2 |
| 60-64 | 36.0 | 56.4 | 16.7 | 23.5 | 44.3 | 7.1 | 31.9 | 54.5 | 11.3 |

- 4.15 Di peringkat jumlah, iaitu bagi semua orang yang berumur 15-64 tahun, kadar penyertaan tenaga buruh bagi migran adalah lebih tinggi berbanding bukan migran, khususnya bagi migran perempuan antara negeri (45 peratus) dan migran lelaki antara daerah (85.4 peratus). Bagaimanapun, pola umur bagi kadar penyertaan tenaga buruh seperti yang digambarkan di Rajah 4.2 menunjukkan bahawa kadar yang lebih tinggi bagi kedua-dua kumpulan migran hanya tertumpu kepada kumpulan umur 15-19 tahun dan di antara 30 dan 49 tahun. Bagaimanapun, mengikut jantina pecahan kadar ini menunjukkan aliran menurun bagi penyertaan tenaga buruh migran lelaki pada semua peringkat umur berbanding bukan migran kecuali bagi migran antara daerah yang berumur 15-19 tahun. Bagi penyertaan tenaga buruh perempuan pula, perkadarannya yang lebih tinggi telah direkodkan bagi kedua-dua migran antara negeri dan antara daerah yang berumur 15-19 tahun yang mungkin didorong untuk berpindah berkaitan dengan kemasukan dalam tenaga kerja.

Rajah 4.3: Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 1986-1991



4.16 Pola taburan pekerjaan antara migran dan bukan migran dapat dilihat dalam Jadual 4.7. Migran antara negeri banyak bertumpu dalam dua kumpulan pekerjaan, iaitu perkhidmatan dan pengeluaran dan yang berkaitan. Hampir 40 peratus bekerja dalam pengeluaran dan yang berkaitan manakala 21.1 peratus dilaporkan bekerja dalam perkhidmatan berbanding dengan masing-masing 34 peratus dan 10.1 peratus bagi bukan migran dalam kedua-dua kumpulan pekerjaan tersebut. Ini adalah konsisten juga bagi migran antara negeri lelaki dan perempuan. Perkadaran yang begitu rendah untuk pekerja pertanian dan yang berkaitan di kalangan migran antara negeri mencerminkan kadar migrasi yang secara relatifnya rendah bagi mereka dalam kumpulan pekerjaan ini. Apa yang menarik dapat diperhatikan ialah migran antara daerah mempunyai taburan pekerjaan yang hampir sama dengan bukan migran seperti dalam perkhidmatan, pertanian, pengeluaran dan yang berkaitan. Walaupun demikian, migran antara daerah masih mengekalkan perkadaran yang tinggi sedikit bagi mereka yang bekerja dalam kumpulan profesional, perkhidmatan dan pengeluaran dan yang berkaitan berbanding dengan bukan migran walaupun selepas mengambil kira perbezaan umur.

Jadual 4.7: Taburan penstandardan umur bagi bukan migran, migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut kumpulan pekerjaan dan jantina, Malaysia, 1986-1991

| Kumpulan pekerjaan | Bukan migran | | | Migran antara negeri | | | Migran antara daerah | | |
|--|--------------|--------|--------|----------------------|--------|--------|----------------------|--------|--------|
| | Jumlah | Lelaki | P'puan | Jumlah | Lelaki | P'puan | Jumlah | Lelaki | P'puan |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| Pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan | 9.7 | 7.8 | 13.9 | 9.5 | 7.9 | 13.4 | 10.4 | 8.3 | 15.6 |
| Pekerja pentadbiran dan pengurusan | 2.5 | 2.9 | 1.5 | 2.3 | 2.6 | 1.4 | 1.8 | 2.1 | 0.8 |
| Pekerja perkeranian dan yang berkaitan | 11.3 | 7.6 | 19.5 | 9.6 | 7.0 | 16.0 | 9.2 | 6.9 | 14.9 |
| Pekerja jualan | 11.3 | 11.9 | 9.9 | 8.9 | 9.4 | 7.9 | 6.4 | 6.1 | 7.5 |
| Pekerja perkhidmatan | 10.1 | 9.5 | 11.3 | 21.1 | 22.0 | 18.3 | 12.2 | 10.2 | 18.6 |
| Pekerja pertanian, panternakan dan perhutanan, nelayan dan pemburu | 21.5 | 24.3 | 15.1 | 8.8 | 10.5 | 4.7 | 21.8 | 26.4 | 9.3 |
| Pekerja pengeluaran dan yang berkaitan, operator alat pengangkutan dan buruh | 33.7 | 35.9 | 28.8 | 39.8 | 40.7 | 38.2 | 38.2 | 40.0 | 33.3 |

- 4.17 Setelah dipastikan bahawa migran adalah lebih berpendidikan dari bukan migran, adakah bilangan migran yang banyak mencebur dalam pekerjaan perkhidmatan serta pengeluaran dan yang berkaitan bermakna migran mempunyai kekurangan atau lebih berminat untuk berkhidmat dalam pekerjaan yang mudah dimasuki seperti dalam pekerjaan perkhidmatan atau pengeluaran dan yang berkaitan? Analisis ke atas struktur pekerjaan bagi tiga kumpulan yang dibandingkan mengikut setiap jenis sijil pelajaran menunjukkan bahawa migran antara negeri dan antara daerah yang mempunyai sijil yang lebih tinggi seperti diploma dan ijazah mempunyai taburan pekerjaan yang sama seperti bukan migran. Walau bagaimanapun, migran didapati mempunyai perkadarhan yang lebih tinggi dalam pekerjaan perkhidmatan serta pengeluaran dan yang berkaitan berbanding dengan bukan migran di kalangan mereka yang mempunyai sijil SPM atau kelulusan yang lebih rendah.

Indeks ketakserupaan

- 4.18 Satu indeks ringkas, iaitu Indeks Ketakserupaan telah diperkenalkan untuk mendapat gambaran menyeluruh tentang sifat keterpilihan migran antara negeri dan antara daerah untuk tempoh 1986-1991 berkaitan dengan beberapa ciri seperti umur, kumpulan etnik, taraf perkahwinan, pendidikan dan pekerjaan, berbanding dengan penduduk bukan migran di tempat destinasi.
- 4.19 Mengikut prosedur ini, perbezaan mutlak antara taburan peratusan bagi ciri mengikut umur untuk mana-mana dua subkumpulan penduduk (dalam kes ini, bukan migran berbanding dengan migran antara negeri dan migran antara daerah) dijumlahkan dan separuh daripada jumlah ini diambil kira¹. Nilai julat adalah daripada sifar yang menunjukkan persamaan

1. Formula am dalam pengiraan indeks ketakserupaan (IK) adalah seperti berikut:

$$IK = \frac{1}{2} \sum |r_a - r_b|$$

di mana r_a = proposi (dalam peratus) dalam setiap kumpulan umur untuk sesuatu ciri kumpulan kecil penduduk 'a', iaitu migran antara negeri atau migran antara daerah

r_b = proposi (dalam peratus) dalam kumpulan umur yang berkenaan bagi ciri yang sama bagi kumpulan kecil penduduk 'b', iaitu bukan migran

mutlak ke 100 yang menunjukkan ketakserupaan mutlak. Bagi tujuan perbandingan, indeks ketakserupaan telah juga dikira bagi penduduk migran dan bukan migran berdasarkan data penyiasatan PTBM tahun 1992 dan 1993.

- 4.20 Pada amnya, dapat dilihat di Jadual 4.8 bahawa migran antara negeri adalah yang paling tak serupa berbanding penduduk bukan migran di tempat destinasi. Contohnya, data banci untuk tempoh 1986-1991 menunjukkan bahawa migran antara negeri adalah paling tak serupa berbanding bukan migran dari segi sijil pelajaran (31.0), peringkat pelajaran (29.0), umur (27.8) dan pekerjaan (21.1). Migran antara daerah juga didapati

Jadual 4.8: Indeks Ketakserupaan bagi migran antara negeri dan migran antara daerah mengikut jantina dan tempoh migrasi, Malaysia, 1986-1993

| Ciri-ciri | Data banci (1991) | | Data penyiasatan | | | |
|---------------------|----------------------|---------------|------------------|--------------------------------|---------------|--------------------------------|
| | 1986-1991 | | 1991-1992 | | 1992-1993 | |
| | Antara negeri | Antara daerah | Antara negeri | Dalam ^(a) negeri | Antara negeri | Dalam ^(a) negeri |
| Jumlah | | | | | | |
| Umur | 27.8 | 22.0 | 24.3 | 20.3 | 28.2 | 20.2 |
| Kumpulan etnik | 10.5 | 14.3 | 19.7 | 9.3 | 18.9 | 11.2 |
| Taraf perkahwinan | 2.3 | 3.2 | 4.2 | 3.2 | 6.5 | 2.5 |
| Peringkat pelajaran | 29.0 | 15.6 | 20.3 | 8.5 | 22.5 | 8.9 |
| Sijil | 31.0 | 15.0 | .. | .. | .. | .. |
| Pekerjaan | 21.1 | 6.6 | 20.4 | 14.0 | 19.4 | 15.2 |
| Lelaki | | | | | | |
| Umur | 28.5 | 22.6 | 24.7 | 19.1 | 27.5 | 19.7 |
| Kumpulan etnik | 10.3 | 14.3 | 17.2 | 4.8 | 16.3 | 12.2 |
| Taraf perkahwinan | 1.1 | 2.4 | 5.7 | 2.3 | 7.8 | 2.1 |
| Peringkat pelajaran | 28.9 | 14.1 | 19.9 | 7.4 | 20.5 | 7.8 |
| Sijil | 31.7 | 14.3 | .. | .. | .. | .. |
| Pekerjaan | 24.5 | 6.5 | 18.1 | 13.3 | 17.9 | 14.0 |
| Perempuan | | | | | | |
| Umur | 27.9 | 22.4 | 24.6 | 21.7 | 29.5 | 22.4 |
| Kumpulan etnik | 10.7 | 14.4 | 20.2 | 10.8 | 22.4 | 10.7 |
| Taraf perkahwinan | 3.6 | 4.2 | 3.4 | 4.4 | 5.0 | 6.0 |
| Peringkat pelajaran | 28.8 | 17.0 | 20.4 | 9.9 | 24.5 | 10.5 |
| Sijil | 27.7 | 15.9 | .. | .. | .. | .. |
| Pekerjaan | 15.8 | 11.6 | 24.7 | 15.1 | 24.0 | 18.5 |

(a) Termasuk migran dalam daerah.

mempunyai ketakserupaan bagi ciri-ciri tersebut tetapi agak secara berkurangan dengan nilai indeks umur (22.0), peringkat pelajaran (15.6) dan sijil pelajaran (15.0). Keterpilihan etnik juga memainkan peranan dengan indeks 14.3 dalam kes migrasi antara daerah.

- 4.21 Data migrasi tahunan daripada PTBM tahun 1992 dan 1993 secara amnya menyokong pola perbezaan ini, khususnya bagi migran antara negeri, yang mana paling tak serupa mengikut umur, peringkat pelajaran dan taburan pekerjaan.

BAB 5

KESIMPULAN

- 5.1 Beberapa pola dan arah aliran utama migrasi semasa tempoh 1986-1991 diringkaskan di bawah:-
- 5.1.1 Migrasi dalaman di Malaysia kekal pada tahap rendah di mana tujuh peratus daripada jumlah penduduk merupakan migran antara negeri dan hanya lima peratus migran antara daerah dalam negeri bagi tempoh ini.
- 5.1.2 Negeri Selangor mengekalkan kedudukannya sebagai negeri yang paling digemari serta merekodkan bilangan migran masuk bersih dari semua negeri lain yang tertinggi, baik dari segi angka mutlak maupun peratusan daripada jumlah penduduk negeri tersebut.
- 5.1.3 Data daripada banci dan penyiasatan menunjukkan kenyataan yang konsisten kemunculan negeri Johor sebagai tumpuan migrasi masuk bersih.
- 5.1.4 Negeri-negeri yang mengalami migrasi keluar yang banyak ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Melaka, Kelantan dan Pahang. Negeri-negeri lain menunjukkan tahap migrasi masuk bersih yang rendah atau pengaliran keluar yang kurang daripada 10,000 orang.
- 5.2 Satu ciri yang umum bagi kedua-dua migrasi antara negeri dan migrasi antara daerah di Malaysia ialah perpindahan penduduk yang tinggi antara daerah atau negeri yang berjiran.

- 5.3 Dari segi peratusan kepada jumlah pergerakan, migrasi luar bandar ke bandar bukan merupakan aliran yang utama walaupun terdapat bukti aliran ini meningkat dalam kes migrasi antara negeri. Telah dipastikan dalam satu kajian yang berasingan bahawa pertambahan penduduk kawasan bandar di Malaysia disebabkan oleh pengelasan semula kawasan bandar bagi tempoh 1980-1991. Migrasi bersih ke kawasan bandar menyumbang kira-kira 10 peratus daripada jumlah perubahan penduduk kawasan bandar bagi tempoh tersebut.
- 5.4 Pada umumnya, kebanyakan migrasi antara negeri dan antara daerah dilakukan oleh lelaki. Walau bagaimanapun, migrasi perempuan mempunyai sifat keterpilihan terhadap migrasi ke bandar, khasnya aliran luar bandar ke bandar bagi migrasi antara daerah dalam negeri. Secara amnya, migran terdiri daripada orang muda berumur di antara 15 dan 34 tahun dan kumpulan etnik Melayu mempunyai kadar migrasi yang tertinggi di antara tiga kumpulan etnik utama di Malaysia.
- 5.5 Tidak terdapat perbezaan yang nyata di antara migran dan bukan migran mengikut taraf perkahwinan, tetapi migran didapati lebih berpendidikan dari aspek sijil pelajaran tertinggi yang diperoleh. Migran juga berbeza dari segi taburan pekerjaan walaupun setelah faktor-faktor seperti umur dan jenis sijil pelajaran dikawal. Data menunjukkan migran lebih tertumpu dalam pekerjaan berbentuk perkhidmatan dan yang berkaitan dengan pengeluaran.

BIBLIOGRAFI

1. **Banci Penduduk dan Perumahan, 1991, Laporan Am Banci Penduduk, Jilid 1,** Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995.
2. **Khoo S.G. dan Van K.K.Y., Pembandaran dan Pertumbuhan Bandar di Malaysia,** Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1996.
3. **Shryock H.S., J.S. Siegel & Associates, The Methods and Materials of Demography,** U.S. Department of Commerce, Bureau of the Census, Washington D.C., 1971.
4. **Laporan-laporan tahunan Penyiasatan Migrasi, 1981 hingga 1993,** Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.
5. **Perangkaan Penting, Malaysia, 1991-1993 (Keluaran Khas),** Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995.

TERJEMAHAN
TRANSLATION

PREFACE

This issue entitled *Internal Migration in Malaysia* is the second publication in the monograph series based on data collected in the 1991 Population and Housing Census of Malaysia. The first in the series of such monographs entitled *Urbanisation and Urban Growth in Malaysia* was published in May, 1996. Each monograph issue has been devoted to a specific topic of special interest.

This report focuses on the magnitude and patterns of internal migration in Malaysia which facilitates an understanding of its inter-relationships with changes in population size and structure at the sub-national level. Often the results are viewed in relation to supporting evidence from survey data over time to provide an indication of migration trends, especially in inter-state movements. This has implications from a demographic, social, cultural and economic perspective as migrants form a unique segment of the population at the destinations.

It is hoped that the more detailed analysis in this report will serve as reference material to researchers in this field of study as well as in meeting the needs of government agencies in relation to economic and social development planning in Malaysia.

SHAARI BIN ABDUL RAHMAN
Chief Statistician,
Malaysia.

August 1996

CONTENTS

| | <i>Page</i> |
|---|-------------|
| PREFACE | <i>iii</i> |
| LIST OF TABLES AND CHARTS | <i>vi</i> |
